

siri biografi untuk pelajar

---

---

**Biografi**  
**SITI AMINAH YUSOF**



siri biografi untuk pelajar

# Biografi SITI AMINAH YUSOF

Lily Haslina Nasir

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2002

113433

Cetakan Pertama 2002  
© Lily Haslina Nasir 2002

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam- Penerbitan

Lily Haslina Nasir

Siti Aminah Yusof / Lily Haslina Nasir.

(Siri biografi untuk pelajar)

ISBN 983-62-7135-X

1. Siti Aminah Yusof, 1945-. 2. Authors, Malay--Biography.

I. Judul. II. Siri.

928.9923

Dicetak oleh  
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka  
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS  
Ampang/Hulu Kelang  
Selangor Darul Ehsan

10  
928.9923  
SITI-L

M

1123435

19 SEP 2003

Perpustakaan Negara  
Malaysia

## KANDUNGAN

Prakata .....	vii
Carta Keluarga .....	ix
<b>Bab 1</b> - Lahirnya Ketika di Akhir Pemerintahan Jepun .....	1
<b>Bab 2</b> - Tanggungjawab Semasa Kecil .....	16
<b>Bab 3</b> - Kenangan Zaman Kanak-kanak .....	29
<b>Bab 4</b> - Memasuki Darjah Khas .....	45
<b>Bab 5</b> - Menjadi Guru Amanat Ayah .....	52
<b>Bab 6</b> - Bakat Mengarang Meraih Kejayaan .....	61
<b>Bab 7</b> - Berjaya ke Menara Gading .....	74
<b>Bab 8</b> - Catatan Perjalanan Pembawa Tuah .....	87
<b>Bab 9</b> - Keluarga Berpendidikan .....	101
Tarikh Penting .....	113



"Harta semakin berkurang apabila digunakan. Tetapi, ilmu apabila digunakan akan memberi manfaat kepada manusia. Malah tidak pernah akan susut." - Siti Aminah Yusof.

## PRAKATA

Satu daripada aspek pemberatan dalam pemetaan, pengajaran dan pembelajaran komponen sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ialah biodata pengarang yang karyanya dijadikan bahan teks wajib untuk diteliti dan dihayati oleh pelajar. Meneliti dan menjejaki susur-galur kehidupan seseorang tokoh pengarang, bermakna kita berusaha menjejaki perjuangannya, sumbangannya, pemikirannya, cita-citanya, sejarah yang diciptanya dan pengalamannya. Daripada pengalaman pengarang itu, dapat pula diteladani mana-mana yang baik dapat dijadikan iktibar dan pedoman untuk meneruskan kelangsungan hidup ini.

Menyedari akan hakikat tersebut serta peri pentingnya para pelajar mengetahui latar belakang perjuangan, cita-cita, harapan dan wawasan seseorang tokoh, maka buku *Biografi Siti Aminah Yusof* ini telah diusahakan penerbitannya. Siti Aminah Yusof merupakan seorang penulis yang juga pendidik yang disegani. Biografi Siti Aminah Yusof ini menjadi bahan penting kepada pembaca untuk mengetahui setiap karyanya termasuk novel *Aku Anak Timur*.

Siti Aminah Yusof melibatkan diri dalam dunia penulisan kreatif sejak usia remaja lagi. Penglibatan beliau semakin menonjol apabila beliau menyertai dunia perguruan. Berdasarkan

pengalaman beliau inilah, kebanyakan novel, cerpen dan sajak yang terhasil menceritakan suka duka dunia perguruannya.

Siti Aminah Yusof juga aktif dalam persatuan penulis di peringkat negeri atau kebangsaan. Beliau juga sering mengikuti seminar, bengkel dan majlis-majlis yang melibatkan aktiviti sastera.

Secara umumnya, buku ini cuba memaparkan riwayat Siti Aminah Yusof – bagaimana kehidupannya pada zaman kanak-kanak; zaman-persekolahannya; sumbangan karya dalam penulisan kreatif, serta aktiviti-aktiviti beliau dalam kegiatan kesusasteraan. Buku ini turut memaparkan liku-liku perjalanan awal hidupnya sehinggalah sampai ke tahap kedudukannya sekarang.

Pendekatan penulisan buku ini berbentuk popular dan menyeluruh, sesuai untuk semua golongan pembaca. Tujuan utama penerbitan biografi ini adalah untuk memaparkan perjuangan hidup penulis wanita yang gigih ini dalam mencapai wawasan hidupnya. Semoga biografi kecil ini dapat memberi manfaat kepada pembaca – sekurang-kurangnya menjadi sumber inspirasi atau contoh ikutan yang berguna serta memberi semangat dan motivasi kepada pembaca khususnya para remaja.

**Lily Haslina Nasir**

## CARTA KELUARGA SITI AMINAH YUSOF



ABU HASSAN BIN MOHD. SHAM



SITI AMINAH BINTI HAJI YUSOF



RAFIZAH

NURZAHYAH

MOHD. AKMAL

MOHD. AMIR



## LAHIRNYA KETIKA DI AKHIR PEMERINTAHAN JEPUN

Ketenteraman Kampung Paya Buntar, Jelam yang terletak kira-kira 12 kilometer dari pekan Temerloh, Pahang seperti direntap. Setiap pergerakan amat terhad dan keselamatan diri harus difikirkan. Orang kampung sudah tidak bebas meredah perut hutan sesuka hati mencari rezeki. Berkayuh perahu pada waktu malam juga harus dikhuatiri. Diri harus lebih berwaspada, mata mesti tajam dan telinga perlu cekap. Segala bunyi yang aneh dan kelibat yang mencurigakan mungkin petanda musuh sedang mara.

Kampung yang bernadikan arus sungai Pahang ini bagai dilanggar garuda walaupun



Suatu ketika dulu Sungai Pahang adalah satu-satunya jalan perhubungan dari Kampung Paya Buntar ke pekan Temerloh.

Jepun sudah mengibarkan bendera putih. Tentera Jepun sudah mengaku kalah tetapi keselamatan dan kesejahteraan penduduk kampung belum lagi terjamin. Bintang Tiga yang mula menyusup masuk ke kawasan kampung begitu mengemparkan. Kekejaman Bintang Tiga tiada bezanya dengan cengkaman tentera Jepun.



Pasukan Bintang Tiga - Keganasan mereka amat ditakuti penduduk kampung.

Pasangan Yusof Haji Said dan Zabedah Othman agak cemas memikirkan keadaan serba suram di kampung. Selain keselamatan empat orang anaknya yang masih kecil, Zabedah paling risau memikirkan dirinya yang semakin hampir melahirkan anak kelima. Namun, dia tetap berusaha menenangkan perasaan. Dia tahu kerunsingan yang berpanjangan tidak akan merobah keadaan, malah boleh menjejaskan kesihatan dirinya.

Pada siang 25 September 1945, beberapa kali kisah Bintang Tiga merampas harta benda dan barang makanan penduduk kampung sampai ke

telinganya. Orang tua, orang perempuan dan kanak-kanak semakin ketakutan. Masing-masing berdoa agar Bintang Tiga tidak menyerang rumah mereka apatah lagi membuat kacau. Mereka yang tinggal di kawasan jauh terpencil atau di pinggir hutan pasti lebih bimbang. Seandainya berlaku sesuatu yang buruk sudah tentu sukar mendapatkan pertolongan orang kampung.

Zabedah memerhatikan perutnya yang semakin sarat. Dia tahu anak di dalam kandungannya akan lahir pada bila-bila masa. Jauh di sudut hati dia berdoa semoga kelahiran bayinya itu membawa rezeki dan dirahmati Tuhan.

Terkejut bukan kepalang Zabedah apabila mendengar cerita suaminya, Yusof. Dia bertanya lebih lanjut, tetapi suaminya tidak dapat memberi jawapan yang tepat. Memang heboh seluruh kampung, ada orang diheret masuk hutan oleh Bintang Tiga. Rumah mereka dibakar, harta benda yang berharga serta makanan dirampas. Namun, Yusof tidak pasti nama keluarga yang bernasib malang itu.

Zabedah baru bercadang hendak pergi ke



Rumah Melayu dahulu kala bertiang tinggi untuk mengelak bah. Rumah begini boleh dilihat di kawasan yang berhampiran sungai.

rumah adik iparnya yang bernama Mohd. Nor di hujung kampung. Ada beberapa barang keperluan dapur dipesan melalui adik iparnya. Zabedah sudah tidak berdaya untuk pergi ke pekan sehari. Lazimnya setiap hari Rabu dia pergi ke pekan sehari untuk membeli beberapa barang keperluan memasak seperti daging, rempah-ratus dan bawang. Tiba-tiba sahaja hatinya berasa cemas.

Dia memberanikan diri untuk bertandang ke rumah adik iparnya. Di dalam hatinya tidak putus-putus dia berdoa, semoga tiada perkara buruk berlaku sepanjang perjalanan. Selesai segala urusan, tepat seperti yang dijangkakan, Zabedah mulai sakit-sakit tidak lama selepas itu. Sebaik sahaja Zabedah mengadu kesakitan, Yusof bergegas mencari bidan dan memberitahu saudara-mara perempuan yang lain. Yusof gembira bukan kepalang apabila mendengar tangisan bayi, lebih-lebih lagi bidan memberitahunya bayi itu perempuan.

Selain Zabedah dan Yusof, orang yang paling gembira menyambut khabar kelahiran anggota baru keluarga ini ialah anak perempuan sulung mereka, Kamariah. Lahirnya bayi perempuan ini bererti Kamariah mempunyai teman untuk bermain.

## **Menamakan anak**

Bayi yang comel dan berkulit putih kemerah-merahan selamat dilahirkan. Sebaik sahaja bayi itu selesai dimandikan dengan air suam oleh bidan, Yusof mengamatkannya. Bayi itu masih belum diberikan nama. Yusof mula memikirkan nama yang paling cantik dan sesuai untuk puteri barunya. Dia teringatkan sesuatu. Kenangan sewaktu dia dibesarkan di Makkah



Yusof Haji Said - bapa Siti Aminah.



Zabedah Othman - ibu Siti Aminah.



muncul dalam fikirannya. Dari kecil sehingga dewasa, Yusof memang banyak menghabiskan masa di Tanah Suci. Ayahnya, Haji Said mendalami bidang agama di Makkah dan bertugas sebagai kadi. Sepantas kilat juga, ingatan Yusof singgah kepada kenangan bersama ibunya, Hajah Aminah. Terlalu banyak kenangannya di Tanah Suci, lebih-lebih lagi ibunya itu meninggal dunia dan dikebumikan di sana.

“Em, nama ibuku ... Aminah. Bayi ini akan kuberi nama Siti Aminah,” Yusof berbisik di dalam hati. Wajahnya semakin ceria. Dia mahu menamakan anak barunya itu sempena dengan nama ibunya. Mudah-mudahan Siti Aminah mewarisi kecerdikan dan budi pekerti ibu! Doa Yusof di dalam hati.

Zabedah dikhabarkan dengan nama puteri barunya. Dia juga gembira mendengarnya. Nama Siti Aminah memang istimewa baginya. Selain lambang penghormatan dan kasih sayang terhadap ibu mentua yang tidak pernah ditemuinya, nama itu juga adalah nama ibu kepada Rasulullah S.A.W. Semoga Siti Aminah yang dilahirkannya ini mempunyai ciri wanita mulia. Zabedah menyimpan hasrat dan harapan untuk membesarkan anaknya itu dengan penuh kasih sayang. Dia juga berazam akan memberikan didikan yang sempurna.

Kelahiran Siti Aminah pada tanggal 25 September 1945, sememangnya merobah kehidupan keluarga Yusof dan Zabedah. Walaupun ketika itu Jepun telah tewas di Malaya dan Bintang Tiga berharajalela namun rezeki Yusof sekeluarga tetap ada. Kehadiran Siti Aminah umpama satu rahmat dan keberkatan. Sungguhpun ketika itu kehidupan agak sukar namun keluarga ini tidak pernah kehabisan bekalan makanan. Selain beras yang sentiasa berbaki di kepek, ubi kayu dan

makanan lain tetap ada untuk menampung keperluan keluarga ini.

## Nama tidak serasi

Kegembiraan menyambut kehadiran Siti Aminah amat dirasakan seluruh keluarga. Sepanjang tempoh berpantang melahirkannya, sanak saudara dan jiran tetangga menziarahi keluarga Yusof dan Zabedah. Walaupun keselamatan kampung agak tidak menentu namun semangat kekeluargaan di Kampung Paya Buntar ini amat kukuh. Penduduk kampung turut berkongsi kebahagiaan apabila keluarga ini menerima anggota baru.

Malangnya, tiba-tiba sahaja keadaan berubah. Selepas beberapa hari dilahirkan, Siti Aminah mulai merisaukan ibu dan ayahnya. Saban hari tanpa mengira siang dan malam, dia sering menangis. Setiap kali menangis, suaranya amat kuat. Zabedah dengan pantas memujuknya. Siti Aminah diberi susu namun bayi itu menolak kerana masih kekenyangan. Zabedah menjadi cemas, dia dengan pantas memerhatikan seluruh tubuh bayi yang comel itu. Tiada pula serangga atau semut menggigit badan, perut tidak juga kembung, Siti Aminah tetap menangis.

Yusof dan Zabedah rusing memikirkan kerenah Siti Aminah. Kamariah yang banyak membantu menguruskan rumah serta menjaga adik baru juga menjadi buntu. Dia puas memujuk dan mendukung adiknya namun Siti Aminah terus menangis. Terlalu kerap menangis menyebabkan bayi itu sering demam. Keadaan yang berlanjutan ini menyebabkan Siti Aminah semakin kurus.

Beberapa orang tua di kampung itu menyarankan nama panggilan Siti Aminah ditukar kepada nama lain. Nama berkenaan mungkin tidak sesuai dan tidak serasi dengan dirinya.

Yusof dan Zabedah berikhtiar. Mereka

*Beberapa orang tua di kampung itu menyarankan nama panggilan Siti Aminah ditukar kepada nama lain. Akhirnya Yusof dan Zabedah bersetuju menukarkan nama Siti Aminah kepada nama Halimah atau Limah.*

bersetuju memanggil bayinya itu dengan nama Halimah. Lama-kelamaan gelaran Halimah atau Limah kekal kepada Siti Aminah sehingga kini di Kampung Paya Buntar. Siti Aminah akhirnya tidak lagi menangis seperti dahulu. Malah dia beransur-ansur sihat dan ceria. Perkembangan ini meyakinkan kaum keluarga bahawa nama yang dipilih sebelum ini tidak serasi untuknya.

Sebaik sahaja usia Siti Aminah genap 44 hari, ibunya Zabedah kembali membuat kerja di sawah. Ayah Siti Aminah jarang ada di rumah. Tugasnya sebagai wali hakim yang boleh dianggap sebagai pemimpin kampung membuatnya sering sibuk. Jemputan menikahkan pasangan pengantin, menyempurnakan kenduri akikah, mengadakan doa selamat, berkhataan dan juga berkhatham al-Quran sentiasa ada untuk Yusof.

Kesibukan Yusof bukan sekadar di luar rumah memenuhi undangan orang kampung, bahkan ketika di rumah dia tetap mempunyai urusan untuk diselesaikan. Selalunya apabila di rumah, orang kampung akan datang mencarinya. Mereka yang ingin mengahwinkan anak, suami isteri yang menghadapi masalah perceraian atau masalah lain sering menemui Yusof untuk mendapatkan khidmat nasihat. Yusof memang seorang pakar rujuk di Kampung Paya Buntar.

## Ibu susuan

Siti Aminah yang masih bayi sering dijaga oleh Kamariah. Memikirkan bayi masih kecil, Zabedah berusaha memastikan anaknya itu tidak terabai. Sebelah siang dia harus mengerjakan sawah yang terletak tidak jauh dari rumah. Siti Aminah beruntung kerana setiap kali dia menangis kerana dahagakan susu, ibu saudara sepupunya, Siwok Mat Rippin sentiasa

ada di sisi. Siwok yang juga sedang menyusukan anaknya, Zainuddin, akan menyusukan Siti Aminah.

Semenjak telapak kaki sebesar dua jari sehingga dewasa, Siti Aminah dibesarkan dengan penuh kasih sayang. Walaupun dia tidak sempat bermanja dengan nenek dan datuk sendiri kerana kedua-duanya sudah meninggal dunia sebelum dia dilahirkan, namun keakraban hubungan dan kemesraan penduduk kampung tidak ubah seperti saudara sendiri. Setiap anggota kampung itu sentiasa mengambil berat kebajikan jiran tetangga. Siti Aminah sendiri beruntung kerana mempunyai saudara-mara yang begitu menyayanginya sejak kecil lagi. Tidak hairan jikalau dia mempunyai ibu dan saudara susuan.

*"Lain kali jikalau Limah menangis, bawa dia kepada makcik Siwok. Biar makcik susukan Limah. Selepas menyusukan, jikalau Kamariah hendak bawa Limah pulang, tidak mengapa. Emak sibuk di sawah, kasiñan Limah laparkan susu," pesan Siwok kepada Kamariah pada suatu hari. Bermula dari hari itu Siwok menjadi ibu susuan kepada Siti Aminah.*



Kamariah - kakak sulung Siti Aminah.

*Kamariah banyak membantu ibunya menjaga adik barunya.*

## Nenek saudara tukang cerita

Kehidupan kampung yang terletak di pinggir sungai kadangkala dirasakan sunyi. Zaman dahulu tiada televisyen atau radio yang boleh dijadikan hiburan waktu lapang. Malam hari bererti dunia sunyi dan hanya indah berhias bintang bertaburan di langit. Sesekali apabila bulan penuh menyiramkan cahayanya ke bumi, malam menjadi lebih berseri. Bunyi cengkerik, sahutan burung hantu dan jeritan kongkang adalah sebahagian halwa telinga saban malam. Namun ini semua tidak sedikit pun membataskan keseronokan Siti Aminah menikmati kehidupannya ketika kecil.

Siti Aminah amat beruntung kerana nenek saudara yang amat rajin memenuhi kehendaknya, tinggal tidak jauh dari rumahnya. Nenek saudara yang bernama Yang Yunan Ibrahim itu sering memanjakan Siti Aminah. Kadangkala Siti Aminah mencuri-curi menyelip keluar rumah pada waktu malam seorang diri semata-mata untuk mendengar cerita Nenek Yang Yunan.

“Limah datang ke sini emak tahukah?” Nenek Yang Yunan bertanya. Siti Aminah menggeleng perlahan. Nenek saudaranya itu faham, Siti Aminah datang ke rumahnya semata-mata mahu mendengar ceritanya.

Malam itu seperti malam-malam yang lain. Siti Aminah pulang ke rumah, lalu tidur dengan lena. Ada ketikanya dia bertuah kerana bermimpi menemui watak-watak di dalam cerita Nenek Yang Yunan.

Siti Aminah paling seronok bermimpi bertemu Puteri Gunung Ledang, Puteri Walinong Sari, Puteri Gonden atau Nenek Kebayan seperti yang ada di dalam cerita Nenek Yang Yunan.

Ada ketikanya, Nenek Yang Yunan kehabisan modal untuk bercerita. Namun ini tidak

menghalang Siti Aminah daripada terus bertandang ke rumah nenek saudaranya. Jikalau tiada cerita baru, Siti Aminah akan meminta Nenek Yang Yunan mengulang semula cerita-cerita yang lama. Siti Aminah tetap setia mendengar kisah dongeng itu dengan penuh khusyuk dan tekun. Sesekali apabila Siti Aminah terlalu seronok mendengar cerita baru, Nenek Yang Yunan akan diminta mengulang cerita yang sama pada malam berikutnya.

Bagi Siti Aminah itu satu cara yang paling baik mengisi masa lapang atau menghilangkan kejemuhan pada waktu malam. Ada ketikanya cerita dongeng ini begitu mempengaruhi Siti Aminah. Tidak hairanlah jikalau sesekali dia berangan-angan hidup di dalam kisah dongeng itu. Siti Aminah begitu kagum dengan kisah dongeng ini. Dia menganggap kisah begini begitu hebat dan mempesonakan.

Membesar di kampung pada zaman dahulu merupakan satu keseronokan yang tidak boleh dijual beli. Demikian halnya dengan Siti Aminah. Walaupun dia dilahirkan jauh di pinggir kampung yang serba kekurangan namun dia tetap bersyukur. Selain sering mendengar cerita dongeng, kenangan bermain di tebing sungai sewaktu zaman kanak-kanak dianggap paling manis dalam hidupnya.

## Bermain bedil buluh

Di samping kakak sulungnya, Kamariah yang paling rapat dalam hidupnya, Siti Aminah ada empat orang saudara lelaki. Dia mempunyai tiga orang abang dan seorang adik lelaki. Pengaruh saudara-saudara lelaki ini amat besar dalam hidup Siti Aminah. Dia tidak pernah membataskan pergerakannya dengan hanya bermain bersama-sama kanak-kanak perempuan yang sebaya dengannya.

*“Em, urut kaki nenek dahulu,” Nenek Yang Yunan memberi syarat. Demi mendengar sebuah cerita baru malam itu, Siti Aminah sanggup mengurut kaki atau memicit-micit badan nenek saudaranya itu.*

Bermain bedil buluh adalah antara yang paling digemarinya. Siti Aminah tidak ketinggalan meredah hutan mencari buluh untuk diraut menjadi bedil. Buah hutan sebesar guli atau biji saga dikutip dari dalam hutan untuk dijadikan peluru bedilnya. Sewaktu bermain bedil buluh, Siti Aminah tidak terkecuali berlawan dengan budak-budak lelaki. Ramai daripada mereka adalah sahabat abang-abangnya.

Bukan perkara janggal atau aneh, kanak-kanak perempuan di kampung zaman dahulu lasak dan nakal. Walaupun begitu keadaannya pada zaman dahulu namun tidak ada unsur-unsur negatif atau pengaruh luar yang boleh mempengaruhi sikap mereka. Mereka hidup dalam suasana yang amat mementingkan budaya murni. Kenakalan mereka sekadar pada siang hari. Sebelah malamnya pula, masing-masing sibuk belajar mengaji atau belajar agama termasuk fardu ain di surau.

Sesekali apabila jemu bermain dengan kawan-kawan lelaki, Siti Aminah bersama rakan perempuan yang sebaya dengannya akan bermain buaian tunggal. Buaian ini diperbuat daripada kayu dan diikat pada pokok jati di pinggir sungai.

*Sejak berusia empat tahun, Siti Aminah sudah mula mengerti keasyikan mendengar cerita-cerita dongeng. Kisah sedih nasib Bawang Merah didera oleh ibu tiri dan saudara sebapa, Bawang Putih, adalah antara yang berkesan di dalam hatinya. Siti Aminah amat seronok apabila berpeluang mendengar cerita rakyat.*



Sesiapa yang menaiki buaian tunggal akan berlagak seperti Bawang Merah. Kononnya mereka berayun pada buaian ajaib yang muncul daripada tulang ikan kaloi yang ditanam. Seorang berayun dan yang lain akan menolak dari belakang setinggi yang boleh.

Semakin tinggi buaian itu berayun, semakin bertambah seronok. Ketika berayun tinggi Siti Aminah dan kawan-kawannya akan menganggap diri mereka berayun di atas kayangan. Ketika ini mereka pasti teringat pula kisah pari-pari di kayangan.

## Sungai berkocak riang

Keseronokan bermain buaian tidak berakhir di situ sahaja. Selalunya selepas penat berayun, mereka beramai-ramai akan terjun ke dalam sungai.

Terjun, berenang atau berendam sepuas-puasnya di dalam sungai, bagi Siti Aminah adalah satu keseronokan ketika zaman kanak-kanak yang tidak mungkin berulang lagi. Malah, semua ini jarang sekali dirasai kanak-kanak masa kini. Siti Aminah paling suka terjun ke dalam sungai pada musim panas.

Bermain kejar-kejar di dalam sungai adalah antara permainan yang sering dilakukan bersama rakan-rakan. Selain itu mereka juga berlumba berenang. Kadangkala apabila riuh berlumba, mereka berkelahi sesama sendiri sambil membalng pasir.

Mereka bukan seperti anak-anak zaman sekarang yang dimanjakan dengan latihan berenang oleh guru khas di kolam renang. Sungguhpun begitu, kanak-kanak zaman dahulu lebih cekap dan berani di dalam sungai. Bagi Siti Aminah, setiap kanak-kanak sepertinya yang tinggal di pinggir sungai dan membesar bersama-



sama alunan sungai, tidak sedikit pun gentar dengan arus.

Kisah kanak-kanak mati lemas atau hilang di dalam sungai tidak pernah terjadi dalam sejarah Kampung Paya Buntar. Ada ketikanya Siti Aminah dan kawan-kawannya bertanding menyelam di bawah perahu yang diterbalikkan. Sesiapa yang mampu menyelam dan bertahan di dalam air dengan begitu lama dianggap hebat. Semua kegiatan lasak ini selalunya dilakukan tanpa pengetahuan orang tua. Pulang ke rumah dengan baju yang comot dan kotor, Siti Aminah pasti dimarahi ibunya.

"Kenapa baju kotor sangat? Rambut berpasir, kaki berselut?" Zabedah menjerkah Siti Aminah yang baru pulang pada suatu petang.

"Limah terjatuh parit," Siti Aminah menjawab perlahan. Kamariah yang sedang melipat baju tidak jauh dari situ terbeliak biji mata. Dia tahu adiknya berbohong.

"Dia tipu mak! Kamariah nampak adik terjun sungai semasa Kamariah hendak ke kedai tadi," ujar Kamariah.

"Limah tidak boleh bermain di sungai selama seminggu. Pergi bersihkan badan. Lain kali jangan cuba menipu. Berdosa tahu?" Zabedah tegas menghukum anaknya. Siti Aminah tidak membantah. Dia sedar bahawa dia bersalah. Malah dia telah melakukan dua kesalahan. Pertama, dia leka bermain di sungai sehingga lewat pulang ke rumah dan berkeadaan amat comot. Kedua, dia membohongi emaknya.

Walaupun bersifat lemah lembut, Zabedah tetap bertegas apabila mengasuh dan mendidik anak-anak. Tiada beza baginya apabila mendidik anak lelaki dengan anak perempuan. Mereka dilayan sama rata. Suaminya, Yusof juga demikian. Anak-anak harus patuh dengan disiplin yang dikenakan. Seandainya ada yang melakukan

kesalahan, mereka akan menerima hukuman. Pasangan ini tidak mudah cair hati dengan kerendah anak-anak dalam usaha membentuk peribadi mulia.



TANGGUNGJAWAB  
SEMASA KECIL

Tugas sebagai wali hakim menyebabkan ayah Siti Aminah sentiasa sibuk. Sebelah malam Yusof sering diundang menyempurnakan pernikahan orang kampung. Walaupun sibuk dengan urusan kerja, Yusof tetap meluangkan masa menasihatkan anak-anaknya serta mendisiplinkan mereka.

Kesusahan dan keperitan hidup ketika itu tidak pernah dijadikan alasan untuk beralah serta patah hati. Zabedah yang sentiasa bersama-sama anak-anak menjadikan kesusahan hidup sebagai pembakar semangat. Dia selalu mengingatkan anak-anaknya agar berusaha lebih rajin supaya senang pada masa hadapan.

“Orang yang malas berusaha dan enggan belajar tinggi apabila besar kelak akan menjadi hamba orang.” Zabedah memberi peringatan kepada anak-anaknya. Dia akan mengambil contoh orang kaya di Kampung Paya Buntar yang mempunyai tanah sawah berelung-relung serta kebun berekar-ekar.

“Jikalau malas belajar dan tidak mahu mengaji apabila besar terpaksa menjadi hamba mereka. Orang kaya menjadi tuan, orang miskin dan malas terpaksa bekerja menoreh getah, menanam padi dan membersihkan kebun orang kaya. Upahnya tidak seberapa.” demikianlah Zabedah

*“Hidup orang sengsara pangkalnya malas, hidup orang senang pangkalnya rajin. Orang yang malas sering berdalih, orang yang rajin pula sifatnya gemar bertanya. Hidup ini mesti berusaha. Petani yang bercita-cita menuai hasil padi yang lumayan mesti menabur benih yang baik. Jikalau benih tidak bermutu, hasilnya tiada.” - Kiasan bapanya, Yusof yang amat mendalam maknanya kepada Siti Aminah.*

menasihatkan anak-anaknya agar tekun mengaji dan belajar.

## Berdukung pergi mengaji

Siti Aminah mempunyai tiga orang abang, Abdul Hamid, Abdul Manaf, Abdul Rahman dan seorang kakak, Kamariah. Semasa kecil mereka belajar mengaji di rumah bapa saudara yang bernama Mohd. Nor. Lazimnya mereka mengaji pada sebelah malam. Rumah Mohd. Nor sebenarnya tidak begitu jauh dari rumah Siti Aminah. Kehidupan zaman dahulu yang serba-serbi kekurangan menjadikan suasana pada malam hari amat sunyi dan gelap-gelita. Ini menyebabkan Siti Aminah takut hendak pergi mengaji.

Setiap malam memang begitulah keadaannya. Langit hitam pekat. Bulan pula samar-samar dilindungi awan. Siti Aminah tidak suka membawa suluh daun kelapa. Zaman dahulu tiada bekalan elektrik, apatah lagi lampu di tepi jalan. Setiap orang yang ingin berjalan malam mesti membawa suluh daun kelapa. Siti Aminah sering digigit sengkiak ketika memegang suluh daun kelapa ini.

Tangan yang digigit sengkiak sering menjadi merah, lebam dan bengkak. Gigitan sengkiak lebih sakit daripada gigitan semut api. Jikalau terkena gigitan sengkiak, Siti Aminah merajuk tidak mahu mengaji. Memikirkan Siti Aminah masih kecil ketika itu Yusof akhirnya terpaksa mendukung dan menghantarnya terus ke tangga rumah Mohd. Nor. Kebaikan ayah sering membuat Siti Aminah berazam untuk mengaji bersungguh-sungguh dan segera khatam al-Quran.

Sesekali Siti Aminah tidak melepaskan peluang bermain bersama-sama kawan



Abdul Hamid - abang sulung



Abdul Manaf - abang kedua



Abdul Rahman - abang ketiga

---

sekampung ketika menunggu giliran mengaji. Mereka akan bermain sembunyi-sembunyi atau bermain curi ayam.

## Baju berkanji berseterika arang

Kenangan Siti Aminah sewaktu meniti usia kanak-kanak cukup banyak. Siti Aminah masih ingat kesukaran menggunakan seterika arang untuk menggosok baju. Siti Aminah tidak suka menggunakan seterika arang. Diri harus cekap dan mahir menggunakannya. Tersilap cara, baju menjadi hangit atau hangus berlubang. Seterika arang ini juga berat dan sukar dikendalikan oleh seorang kanak-kanak. Jikalau berada di rumah Mohd. Nor, sebelum mengaji, kawan-kawan perempuan Siti Aminah suka bertanding baju siapa yang paling keras dikanji, dan yang paling licin digosok.

Selalunya Siti Aminah kalah dalam pertandingan. Dia memang tidak cekap menggunakan seterika arang. Sungguhpun begitu, ada satu perkara yang menjadi kehebatan Siti Aminah yang sukar ditandingi rakan-rakan sekampungnya.

Di Kampung Paya Buntar, rumah Siti Aminah walaupun sederhana namun kebersihannya sukar ditandingi rumah jiran-jiran. Zabedah dan Yusof memang mengajar anak-anak mereka agar membersihkan ruang dalam dan halaman rumah sebelum mereka dibenarkan keluar bermain. Siti Aminah bersama-sama abang-abang dan kakaknya harus memastikan tiada sampah bersepah, daun kering disapu, rumput tidak panjang dan lantai tidak berhabuk serta membersihkannya dengan berus apabila ingin keluar bermain.

Selain membersihkan rumah, Siti Aminah disyaratkan memasak air untuk diminum,

*Pada zaman dahulu setiap kanak-kanak perempuan diajar oleh ibu mereka menggosok pakaian menggunakan seterika arang. Pakaian akan dikanji terlebih dahulu sebelum diseterika. Kanji yang dimasak sendiri dengan tepung sagu berguna untuk menjadikan baju lebih licin dan keras.*

mengangkat air dari sungai untuk memenuhi dalam tempayan dan mengutip kayu api untuk memudahkan ibu dan kakaknya memasak. Walaupun masih kecil Siti Aminah diasuh dan didisiplinkan seperti kakak dan abang-abangnya. Malah dia tidak pernah merungut atau mengeluh dengan kesusahan hidupnya itu. Segala yang menjadi rutin harian hidupnya itu diterima dengan senang hati dan tabah.

## Pengalaman bersekolah

Seperti kanak-kanak lain Siti Aminah melangkah kaki ke Darjah Satu apabila usianya menjangkau tujuh tahun. Siti Aminah memulakan persekolahan pertamanya pada tahun 1952 di Sekolah Kebangsaan Durian Tawar, Temerloh. Persiapan untuk ke sekolah disediakan amat sederhana oleh ayah dan ibu Siti Aminah. Kesusahan hidup ketika itu tidak membenarkan mereka bermewah-mewah.

Siti Aminah amat seronok dan tidak sabar-sabar mahu ke sekolah. Sebelum harinya, dia sudah beberapa kali menggayakan pakaian sekolahnya.

*“Saya amat seronok apabila dapat memiliki buku sendiri. Tidak jemu-jemu saya mengulang membacanya”, kata Siti Aminah ketika menceritakan pengalaman pertamanya memasuki sekolah rendah.*



Sekolah Kebangsaan Durian Tawar, Temerloh - sekolah pertama Siti Aminah (1952).



Suasana sungai di kampung yang hening memberi kenangan manis bagi Siti Aminah.

Yang paling menyeronokkan dirinya ialah dia akan memiliki buku sendiri apabila bersekolah. Dia berazam untuk rajin membaca buku-buku tersebut. Tambahan pula Siti Aminah mendapat tahu daripada cerita abang dan kakaknya, di sekolah terdapat sebuah bilik khas yang dinamakan kutubkhanah. Ia sebuah bilik yang menempatkan segala jenis buku bacaan. Siti Aminah mahu segera bersekolah untuk membaca semua buku-buku itu. Itulah azamnya.

Sekolah Kebangsaan Durian Tawar bukanlah berhampiran rumah Siti Aminah. Ia terletak di seberang sungai. Kanak-kanak sekolah dari Kampung Paya Buntar terpaksa menaiki perahu menyeberang sungai untuk ke sekolah. Demikian juga dengan Siti Aminah. Pagi pertama dia ke sekolah, dia bangun cukup awal. Beg sekolah dan baju sekolah yang kemas berkanji dan berseterika sudah ada di tepi pintu.

Zabedah seperti biasa selepas sembahyang subuh menjerang air daripada tempayan agar tidak terlalu sejuk untuk dibuat air mandi oleh anak-

anaknya. Jikalau air mandi terlalu sejuk, Abdul Hamid, Abdul Manaf, Kamariah, Abdul Rahman dan Siti Aminah sendiri akan payah untuk mandi pagi. Mereka akan berlengah-lengah untuk menyiapkan diri. Untuk sarapan pagi, selalunya Zabedah menghidangkan nasi goreng, ubi rebus bersama-sama air kopi.

Pada zaman dahulu setiap rumah mempunyai satu atau dua buah perahu. Ia bagaikan kenderaan penting seperti kereta pada hari ini. Sebuah perahu boleh memuatkan dua hingga empat orang kanak-kanak. Selalunya Siti Aminah berkayuh bersama-sama seorang rakan atau ditemani adik-beradik sendiri.

Sewaktu Siti Aminah berkayuh perahu, Zabedah akan berdiri di tebing sungai memastikan anaknya selamat sampai ke seberang. Siti Aminah apabila sampai ke seberang akan melaung memanggil ibunya tanda dia selamat sampai.



Ibu Siti Aminah selalu berdiri di tebing sungai ini untuk memastikan keselamatan anak-anaknya ketika ke sekolah.



Sebaik sahaja mendengar laungan Siti Aminah barulah Zabedah berasa lega dan boleh pulang ke rumah.

Selalunya Siti Aminah memerlukan masa lebih kurang setengah jam untuk menyeberang sungai. Di tanah seberang, dia akan menambat perahunya dan menaiki basikal sendiri yang ditumpangnya di bawah rumah orang kampung. Begitulah rutin hidup Siti Aminah apabila bergelar murid sekolah.

Masih segar di ingatan Siti Aminah hari pertama dia ke sekolah. Adat pelajar baru, perasaan gugup memang ada. Siti Aminah tidak terkecuali namun kawan-kawan yang baru dikenalnya ketika di sekolah menghilangkan debaran di dada.



Denai yang dilalui oleh Siti Aminah dari perahu untuk ke sekolah.

Perkara paling menyeronokkan Siti Aminah adalah apabila guru darjah memberi sebatang pensel, buku tulis baris satu, buku tulis baris dua, buku kira-kira dan bekas coklat yang tertera gambar Ratu Inggeris. Bekas coklat ini gunanya sebagai penyimpan pensel. Semua barang yang diberi guru disimpan rapi oleh Siti Aminah di dalam beg sekolahnya.

Hidup sebagai anak kampung yang dibesarkan di pinggir sungai menjanjikan seribu kenangan untuk Siti Aminah. Saban pagi dan setiap tengah hari Siti Aminah terpaksa meredah sungai dengan berkayuh perahu kecil. Ini cepat mematangkan Siti Aminah. Berkayuh perahu setiap pagi dengan suasana yang kelam dan berkabus kadangkala membuat kanak-kanak seperti Siti Aminah berasa mengantuk. Suhu yang amat dingin pada dinihari mencengkam hingga ke tulang belakang.

Perjalanan melalui sungai untuk ke sekolah setiap pagi lazimnya mengambil masa antara 20



Tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat membesar. Siti Aminah mengimbau kenangan silamnya.



sehingga 30 minit. Ini boleh dianggap cepat kerana mereka berkayuh dari bahagian hulu sungai turun ke hilir. Mengikut arus sungai tidaklah sesukar mana. Namun perkara sebaliknya berlaku apabila Siti Aminah berkayuh pulang ke rumah. Mudik dari bahagian hilir untuk ke hulu sungai memang payah. Arus sungai yang deras terpaksa ditentang. Hanya kesabaran, kecekalan dan keberanian menjadi tangkal.

Untuk membakar semangat dan mengerah tenaga, Siti Aminah sering berlumba bersama-sama rakan-rakan ketika berkayuh perahu untuk ke sekolah. Siti Aminah tidak begitu gagah berlumba mengayuh perahu. Tidak hairan jikalau dia selalu tercicir di belakang perahu rakan-rakannya. Namun, Siti Aminah tidak mengambil hati apabila kalah berlumba perahu. Setidak-tidaknya, dia memulakan pagi itu untuk ke sekolah dengan penuh ceria dan bertenaga.

### **Diri diintai buaya**

Pernah sekali dua, Siti Aminah terserempak dengan buaya yang timbul di permukaan sungai. Walaupun ketakutan, Siti Aminah menggagahkan diri terus berkayuh perahu. Siti Aminah bernasib baik kerana dia tidak diganggu oleh buaya. Zabedah dan Yusof hanya mampu menasihatkan anak-anaknya agar lebih berhati-hati ketika berkayuh perahu di sungai. Walaupun masih kecil, Siti Aminah mengerti maksud nasihat ayahnya itu. Dia tidak sedikit pun merungut atau mengeluh kerana letih. Pulang dari sekolah, dia akan menyertai Kamariah membantu ibunya di dapur.

Saat paling dinanti-nantikan ialah detik percutian sekolah. Sungguhpun mereka sekeluarga tidak berjalan ke mana-mana, pada hari cuti sekolah amat menyeronokkan. Ada masanya Siti Aminah pergi ke sawah untuk

memungut buah teratai. Pada masa musim teratai berbuah, Siti Aminah dan kanak-kanak lain akan berlumba-lumba mencari buah teratai di sawah. Hasil kutipannya itu dijual oleh ibunya di pekan sehari.

Wang jualan buah teratai akan disimpan di dalam tabung. Siti Aminah mempunyai tabung buluh tempat dia menyimpan wang lebih sekolah. Hanya pada waktu terdesak sahaja barulah dia mengambil wang dari tabungnya. Selalunya dia menggunakan wang tabungannya untuk membeli beberapa alat keperluan sekolah.

*Sewaktu berusia 10 tahun, Siti Aminah sudah boleh diamanahkan untuk memasak dan menghidang makanan bagi abang-abang dan ibu bapanya yang baru pulang dari sawah.*

## Terserempak ular air

Menetap di pinggir sungai bererti keluarga Siti Aminah harus sentiasa bersedia berhadapan dengan banjir pada musim tengkujuh. Musim banjir dihadapi dengan tenang. Siti Aminah seperti kanak-kanak lain amat seronok bermain air pada musim banjir. Banjir yang selalu berlaku pada hujung tahun menjanjikan keseronokan bagi Siti Aminah.

Dia bersama adik-beradiknya dibenarkan menangkap ikan yang terperangkap semasa air sawah melimpah. Masing-masing membawa peralatan menangkap ikan apabila pergi ke sawah. Ada yang membawa lukah, joran dan juga tangguk. Malah ada yang menangkap ikan menggunakan jala. Mereka yang mempunyai jala selalunya mendapat ikan lebih banyak daripada biasa. Kadangkala keseronokan bermain di air berakhir dengan jerit-pekik dan suara kanak-kanak perempuan yang ketakutan. Jikalau tidak bemasib baik mereka akan terserempak dengan ular air atau belut yang amat menggelikan.

Jikalau terserempak dengan ular air, Siti Aminah dan Kamariah akan berlari lintang-pukang meninggalkan ikan-ikan yang ditangkap-

*"Kita tidak boleh menjadikan kesusahannya dan ketakutan untuk menyeberang sungai sebagai alasan tidak ke sekolah. Cabaran hidup memang ada di mana-mana. Orang yang tidak tahan diuji tidak akan berjaya," Yusof memberi semangat kepada anak-anaknya.*

nya. Putih tapak kaki mereka berlari mencari pintu rumah masing-masing. Kenangan menangkap induk ikan haruan dan ikan terbuai yang membunting masih kekal dalam ingatan Siti Aminah. Lebih-lebih lagi jikalau ikan haruan itu besar, pasti telurnya banyak.

Selalunya Siti Aminah dan abang-abangnya akan membakar telur ikan haruan yang lengkap dicampur cili, kunyit dan garam. Telur itu akan dibungkus dengan daun kunyit atau daun pisang. Ini untuk mengelakkan telur itu pecah. Haruman daun pisang yang dibakar mencetuskan bau yang amat menyelerakan. Selepas dibakar, telur ikan haruan ini akan diratah begitu sahaja. Keenakan telur ikan yang baru dibakar sentiasa mengecur air liur Siti Aminah.

Walaupun masih kecil dan bersekolah rendah, Siti Aminah tidak terkecuali daripada memikul tanggungjawab di rumah. Malah Siti Aminah bersama-sama Kamariah serta adiknya, Mohd. Sarit turut menyingsing lengan membantu orang tuanya ketika di kebun dan di sawah.



Siti Aminah dan adik bongsunya, Mohd. Sarit.

Ada ketikanya, Zabedah dan Yusof tidak sempat untuk pulang makan tengah hari kerana asyik bekerja di sawah. Melihat keadaan ini, Siti Aminah faham akan tugasnya. Selesai sahaja memasak, dia akan membungkus makanan untuk dihantar ke sawah. Mereka sekeluarga akan makan bersama-sama di sebuah pondok kecil di tepi sawah.

Pada waktu tertentu Siti Aminah turut membantu segala kerja di sawah. Sebarang tugas yang mampu disempurnakannya, akan dilakukan. Misalnya, memungkah padi dari sawah, mengirik dan mengangin padi, menjemur serta menumbuk padi adalah antara tugas yang selalu dibuat apabila selesai membuat kerja sekolah. Seandainya di sawah sudah ramai yang menolong, Siti Aminah akan mengupas kelapa atau memungkah pisang dari kebun. Buah-buahan atau sayur-mayur ini dikemaskan untuk dijual di pekan sehari di Durian Tawar.

Walaupun kehidupan Siti Aminah sederhana namun rumahnya sentiasa meriah dikunjungi jiran tetangga dan orang kampung. Tugas bapanya sebagai wali hakim menyebabkan rumah mereka sering dikunjungi tetamu tanpa mengira waktu. Adat orang bertamu di rumah pasti dihidangkan secawan kopi. Jikalau tetamu bertandang pada waktu makan tengah hari atau malam, tidak sempurna tuan rumah melayan tetamu tanpa menghidangkan nasi.

Pada ketika ini menjadi tugas Siti Aminah memastikan segala hidangan sempurna untuk tetamu. Malah dia dan Kamariah dipertanggungjawabkan untuk mengemas dapur serta membasuh pinggan mangkuk. Kadangkala apabila terlalu ramai tetamu berkunjung, Siti Aminah memang tidak pernah kering kuku di dapur. Pinggan mangkuk yang membukit tinggi tidak pernah habis dibasuhnya.

*Siti Aminah memang telah diasuh untuk mengurus rumah semenjak dia kecil lagi. Asuhan dan tanggungjawab yang diberi ini menjadikan Siti Aminah seorang anak yang tabah, matang serta berani.*

Jikalau terlalu ramai tetamu bererti pinggan mangkuk yang perlu dibasuh segera cukup banyak. Siti Aminah akan membasuhnya dengan hanya memakai baju kurung tanpa kain sarung supaya kain sarungnya tidak basah. Pernah berlaku pada satu hari akibat terlalu letih dan bosan, pinggan mangkuk yang diangkat oleh Siti Aminah terlepas lalu banyak yang pecah.

Siti Aminah berulang kali memohon maaf daripada ibunya. Dia beruntung kerana ibunya tidak memarahinya. Dia yang sedang ketakutan dipujuk dan dinasihatkan agar lebih berhati-hati. Semenjak kejadian itu, Siti Aminah berasa lebih yakin dengan dirinya sendiri. Malah kehadiran tetamu yang ramai di rumahnya membuatkan dirinya lebih matang dan bijak memahami kerenah orang ramai. Mengingatkan kisah lalu, Siti Aminah berasa amat beruntung kerana pengalaman ketika kecil banyak menjadikan dirinya lebih tabah dan berani.

## KENANGAN ZAMAN KANAK-KANAK

Bergelar pelajar sekolah bererti Siti Aminah terpaksa mengurangkan masa bermainnya dengan rakan-rakan. Dia harus memastikan semua kerja sekolahnya siap sebelum keluar bermain. Zabedah pula sentiasa berpesan kepada Siti Aminah agar rajin menelaah buku sekolah. Sebagai pelajar yang ingin berjaya, Siti Aminah dinasihatkan agar tidak terlalu bergantung kepada kerja sekolah yang diberi guru.

Jadual harian Siti Aminah semakin padat apabila mulai bersekolah. Setiap pagi dia harus bangun sebelum subuh. Pulang dari sekolah dia



*“Ayah dan emak tiada harta yang hendak ditinggalkan untuk kamu adik-beradik. Hanya yang kami harapkan kamu semua rajin belajar agar bila besar, kehidupan kamu tidak sesusah kami di kampung ini.”*

Itulah antara pesanan ayah dan ibu yang dijadikan bekal oleh Siti Aminah untuk berjaya dalam hidup.

tidak boleh berehat kerana harus membantu ibunya di dapur. Dia dan Kamariah selalunya menolong ibunya mencari kayu api, mengangkat air dari sungai atau membersihkan kebun. Selesai membantu ibu dan membuat kerja sekolah, barulah Siti Aminah dibenarkan keluar bermain dengan rakan-rakan kampungnya.

Kadangkala Siti Aminah terkenang-kenang detik dia belum bersekolah. Dia bebas bermain dan bertandang ke rumah Nenek Yang Yunan untuk mendengar cerita hikayat atau dongeng. Masih terngiang-ngiang di cuping telinga Siti Aminah kisah *Hantu Paku*, *Batu Belah Batu Bertangkup*, *Hikayat Puteri Tujuh Beradik* dan *Puteri Naga Tasik Cini*.

Masih teringat dalam fikirannya betapa indah dan mendayu-dayu lagu atau syair sedih yang dinyanyikan Nenek Yang Yunan. Malah ada ketikanya Siti Aminah tidak mampu menahan kesedihan hingga teresak-esak menangis apabila mendengar syair pilu nenek saudaranya itu.

“Pelajaran sekolah perlu diutamakan. Bagaimana hendak berjaya jikalau tidak pandai di sekolah? Semua peperiksaan mesti lulus dengan cemerlang. Jikalau gagal, hidup Limah akan susah sampai bila-bila!” Demikian peringatan Zabedah kepada Siti Aminah dan juga adik-beradiknya yang lain.

Siti Aminah akur dengan pesanan ibunya. Dia memahami hasrat hati ibunya yang ingin melihat nasib keluarganya berubah. Kata ayah dan ibunya, anak-anak tidak dapat dibekalkan dengan wang ringgit atau harta melimpah ruah. Hanya pelajaran yang mampu dibekalkan untuk menjamin masa hadapan mereka. Namun, kejayaan tetap bergantung kepada usaha dan kerajinan masing-masing.

Mengenangkan nasihat ibunya, Siti Aminah menghadkan masa bermainnya. Malah



*"Jikalau ingin berjaya mesti rajin berusaha. Belajar harus tekun, jangan semata-mata bergantung kepada kerja sekolah yang cikgu berikan." Demikian nasihat Zabedah kepada anak-anaknya.*

keinginannya untuk bertandang ke rumah Nenek Yang Yunan terpaksa dilupakan. Dia hanya berkunjung ke rumah nenek saudaranya itu apabila musim cuti sekolah.

### **Mendapat abang ipar**

Ketika usia Siti Aminah lapan tahun, dia dikejutkan berita pernikahan kakaknya, Kamariah dengan seorang jejaka dari pekan Durian Tawar. Sungguhpun dia masih kecil ketika itu, dia memahami bahawa mereka sekeluarga akan menerima anggota keluarga baru.

Selepas upacara merisik, meminang dan bertunang selesai, keluarganya amat sibuk membuat persiapan perkahwinan Kamariah. Dalam keadaan yang serba-serbi kekurangan, persiapan perkahwinan Kamariah tetap meriah. Mereka bersama-sama sanak saudara serta jiran tetangga bergotong-royong menyediakan keperluan perkahwinan.



Kakak yang sentiasa di sisi Siti Aminah. Kamariah amat rapat dengan Siti Aminah sejak kecil.



Menurut kakak Siti Aminah, Kamariah, adiknya menggemari hidangan yang pedas seperti masak asam dan ulam-ulam yang dicicah sambal belacan.

Ibunya bersama-sama jiran wanita sibuk memarut kelapa lalu digoreng untuk dijadikan kerisik. Orang lelaki sibuk mencari kelapa dan dikumpul di belakang rumah. Santan kelapa amat penting untuk dibuat gulai pada hari kenduri perkahwinan itu. Demikian juga dengan kayu api, beras, gula pasir, telur, minyak kelapa dan pelbagai keperluan lain. Semuanya disediakan secara gotong-royong oleh penduduk kampung. Tidak kurang juga yang menjanjikan kuih baulu, bangkit sagu, kuih lapis dan kuih bakar santan untuk dihadaikan kepada Zabedah pada hari kenduri.



Kuih bangkit sagu, bahu kemoja dan bakar santan antara yang sering dihidang ketika kenduri-kendara. Kuih tradisional ini juga kegemaran Siti Aminah.

Siti Aminah sendiri dikerah ibunya agar menjaga kebersihan rumah lebih daripada biasa. Ibunya pula sibuk menjahit kelambu, langsir serta cadar pengantin. Menjelang hari yang dinantikan Kamariah selamat diijabkabulkan dengan guru sekolah yang bernama Baharom Hassan.



Ini keluarga Kamariah, kakak Siti Aminah.



*Baharom Hassan, seorang guru yang juga abang ipar Siti Aminah. Sikap Baharom yang bertanggungjawab dan dedikasi menyemarakkan semangat Siti Aminah untuk terus berjaya dalam pelajarannya.*

*"Emak tidak tahu membaca dan menulis sebab itu emak mahu anak-anak emak celik ilmu. Belajar bersungguh-sungguh. Jangan banyak bermain. Ilmu itu harta dan penyuluh hidup pada masa hadapan!" Zabedah meleteri anak-anaknya.*

## Cita-cita

Kehadiran Baharom sebagai abang ipar Siti Aminah umpama pemangkin kepada dirinya untuk terus gigih belajar. Sikap penuh bertanggungjawab dan dedikasi Baharom sebagai guru terbawa-bawa apabila menasihati serta mengasuh Siti Aminah.

"Apa cita-cita Siti apabila besar nanti?" Baharom mencungkil isi hati adik iparnya.

"Em, Siti hendak jadi guru atau kerani." Siti Aminah membalas dengan wajah penuh yakin. Sememangnya, itulah yang dimahukan oleh ibu dan ayahnya. Mereka amat berharap Siti Aminah mampu menjawat tugas sebagai guru atau setidaknya sebagai kerani.

"Tengok anak Datuk Penghulu Haji Awang ... semuanya berjaya dan mereka hidup senang sekarang. Siti mesti tekun belajar dan lulus semua peperiksaan jikalau mahu berjaya seperti mereka." Zabedah berkali-kali menjadikan kejayaan anak-anak penghulu kampungnya sebagai contoh kepada Siti Aminah.

Berkat kegigihan dan ketekunan Siti Aminah, dia sentiasa lulus dalam peperiksaan sekolah. Dia sedikit pun tidak menghadapi masalah untuk naik darjah setiap tahun. Cuma sesekali apabila dia mendapat markah yang kurang memuaskan Zabedah menjadi marah dan berang. Seandainya keputusan peperiksaan itu tidak secemerlang yang dihajatkannya, Zabedah akan menangis dan bersedih.

"Emak bersusah payah menyenangkan kamu semua untuk ke sekolah. Emak tidak mahu melihat kamu semua kesejukan mandi pagi, emak menjerang air sungai untuk air mandi kamu. Emak sediakan air hangat di atas pelantar rumah. Itu pun kamu semua tidak bersungguh-sungguh belajar!" Pada satu hari Zabedah memarahi anak-

anaknya apabila dia tidak berpuas hati dengan keputusan peperiksaan mereka.

Siti Aminah bertekad menggembirakan ibunya dengan keputusan peperiksaan yang cemerlang.

Melalui zaman persekolahan di kawasan terpencil seperti Paya Buntar, bukanlah semudah yang disangkakan. Siti Aminah amat tabah menjalani dugaan hidup sebagai anak kampung yang terpaksa berkayuh perahu untuk ke sekolah.

### Sesat di dalam kabus

Pernah terjadi pada suatu hari, Siti Aminah terlewat ke sekolah apabila dia tersesat di dalam kabus tebal. Hari itu seperti biasa Siti Aminah berkayuh perahu untuk ke sekolah. Hari masih gelap dan cuaca amat dingin. Kabus yang menyelimuti sungai amat tebal. Siti Aminah yang beberapa kali menggigil kesejukan menggagahkan diri untuk terus berkayuh perahu ke sekolah. Zabedah yang menyedari keadaan pagi itu tetap menunggu di tebing sungai sehinggalah anaknya hilang daripada pandangan mata.

Pada hari-hari biasa, Siti Aminah memerlukan lebih kurang setengah jam berkayuh perahu untuk sampai ke seberang sungai. Namun pada pagi itu dia berkayuh perahu sehingga kedua-dua tangan terasa lenguh. Kedua-dua belah kaki mulai berasa kebas dan dia sendiri sudah beberapa kali menggetap bibir menahan kesejukan.

Siti Aminah mulai berasa cuak kerana dia masih tidak sampai ke tanah seberang. Dia dapat menjangkakan bahawa dia sudah lebih setengah jam berkayuh perahu di dalam kabus yang tebal itu.

Sayup-sayup kedengaran suara ibunya dari

*"Emak bersusah payah menyenangkan kamu semua untuk ke sekolah. Emak tidak mahu melihat kamu semua kesejukan mandi pagi, emak menjerang air sungai untuk air mandi kamu. Emak sediakan air hangat di atas pelantar rumah. Itu pun kamu semua tidak bersungguh-sungguh belajar!" Pada satu hari Zabedah memarahi anak-anaknya apabila dia tidak berpuas hati dengan keputusan peperiksaan mereka.*

*Pengalaman sesat berperahu di dalam kabus tebal tidak pernah mematahkan semangatnya untuk bersekolah. Siti Aminah menganggap ia hanya satu cabaran kecil yang wajar ditempuhi bagi menguatkan jati diri.*

jauh. Sedikit sebanyak laungan ibu yang memanggil namanya menghilangkan perasaan cemas. Dia menyahut, membalas laungan ibu. Dia mulai sedar bahawa dia sudah jauh tersesat di dalam kabus tebal. Menggunakan segala kekuatan yang ada, Siti Aminah pantas berkayuh semula mengikut arah suara ibunya itu.

Sebaik sahaja sampai ke tebing dan ternampak kelibat ibunya, Siti Aminah berkali-kali mengucapkan syukur ke hadrat Tuhan. Mujur dia tidak tersesat terlalu jauh mengikut haluan sungai. Biar pun terlambat untuk ke sekolah pada pagi itu, Siti Aminah berkeras untuk tetap berkayuh perahu ke seberang. Kali ini dia selamat sampai ke tanah seberang.

Sejurus sampai dan mengikat perahunya, dia melaung memanggil ibunya, sebagai isyarat dia selamat. Sebaik sahaja sampai ke bilik darjah, Siti Aminah dipanggil oleh guru disiplin. Siti Aminah cemas bukan kepalang. Dia tahu pasti dia dimarahi dan didenda kerana lewat datang ke sekolah.

Sebaliknya, apabila dia memasuki bilik guru disiplin, dia disambut dengan senyum manis. Siti Aminah terkejut besar sebaik sahaja guru disiplin menyampaikan berita bahawa dia dilantik sebagai pengawas sekolah. Dia berasa amat lega dan berterima kasih kepada guru disiplinnya. Pertama, atas kemaafan gurunya walaupun Siti Aminah lewat sampai ke sekolah. Kedua, atas kepercayaan gurunya melantik dirinya sebagai pengawas sekolah.

Dugaan yang terpaksa diharungi oleh Siti Aminah sebagai pelajar kerana terpaksa menyeberangi sungai untuk ke sekolah bukan sekadar sesat di dalam kabus, malah terserempak dengan buaya yang timbul. Sesekali apabila tiba musim tengkujuh atau hujan lebat, Siti Aminah terpaksa berkayuh perahu sambil menimba air yang mencurah masuk ke dalam perahunya. Ada

ketikanya baju sekolahnya lencun dengan air hujan dan percikan air sungai. Namun cabaran begini tidak sedikit pun membuat dirinya berputus asa. Dia amat yakin dengan nasihat ibunya, hanya pelajaran yang sempurna mampu merobah nasib mereka sekeluarga.

Sungguhpun kehidupan Siti Aminah tidak senang seperti pelajar sekolah di pekan, dia tetap berbahagia. Dia menerima cara dan rutin hidupnya dengan senang hati. Membantu ibu di sawah padi, amat menyeronokkan. Siti Aminah berpeluang menangkap ikan puyu, haruan atau sepat. Saat mengemping padi juga amat dinantikan.

*Siti Aminah amat yakin dengan nasihat ibunya, bahawa hanya pelajaran yang sempurna mampu merobah nasib mereka sekeluarga.*



Sawah padi merupakan salah satu punca rezeki penduduk di kawasan Paya Buntar, Temerloh, Pahang.

Ikan cukup mewah apabila ditangkap pada musim banjir. Lazimnya ikan yang ditangkap akan diisi di dalam tempayan. Seandainya sudah penuh ikan yang disimpan, Siti Aminah membantu ibunya menyang ikan. Perut ikan dibuang dan dibersihkan.

Ikan dibelah dua sebelum dilumurkan garam untuk dijadikan ikan kering. Selain ikan kering,



Siti Aminah turut membantu menumbuk padi.



Menampi padi selepas menumbuk padi.

ikan pekasam turut dibuat oleh Zabedah. Semua ini akan menjadi lauk mereka sekeluarga. Keseronokan dan kebahagiaan hidup semasa kecil sememangnya sukar dicari ganti. Sayur-sayuran seperti terung, bendi, kacang, kangkung, petola tidak perlu dibeli. Petik sahaja sayur yang segar di halaman rumah. Malah lada juga mudah tumbuh dengan subur di tepi tiang rumah. Ayam dan itik juga tidak perlu dibeli. Seandainya berhajat menikmati gulai ayam, Zabedah akan menyuruh Abdul Hamid dan Manaf, abang-abang kepada Siti Aminah menangkapnya di dalam reban.

### Tekun membaca

Sebaik sahaja mulai mengenal huruf dan mampu mengeja, Siti Aminah memberanikan diri meminjam buku-buku cerita daripada kutub-khanah sekolah. Pada masa kini ia dikenali sebagai perpustakaan.



Kerabu sayur kampung dan asam rebus ikan bercampur keladi kesukaan Siti Aminah.

Pulang daripada mengaji, Siti Aminah segera menyiapkan kerja sekolahnya. Selesai membuat kerja sekolah, dia tidak terus tidur, sebaliknya menghabiskan masa dengan membaca. Biarpun hari sudah larut malam dan dia terpaksa menggunakan pelita untuk membaca, Siti Aminah tetap tekun. Matanya pedih menahan mengantuk tetapi keseronokan membaca mengatasi segala-galanya.

Siti Aminah menghayati kisah dalam buku ceritanya dengan penuh khusyuk. Buku-buku yang paling digemarinya termasuklah *Hikayat Sang Lamri*, *Sejarah Melayu*, *Syair Siti Zubaidah* dan *Hikayat Raja Donan*.

Kadangkala Siti Aminah memikirkan jalan cerita hikayat yang dibacanya. Dia membayangkan jikalau karya itu hasil buah fikirannya pasti penyudah cerita akan mengikut cita rasanya. Ini membuatkan Siti Aminah sering tersenyum sendiri selepas membaca buku-buku tersebut.

*Inilah antara buku-buku yang menjadi bacaan Siti Aminah ketika zaman kanak-kanak. Dia akan menghayati setiap kisah yang terdapat dalam buku yang dibacanya.*




---

## Sandiwara radio

Siti Aminah masih ingat betapa seronoknya dia apabila melihat abang iparnya, Baharom, pulang ke rumahnya dengan membawa sebuah radio bateri basah. Pada zaman dahulu, tidak semua rumah mampu mempunyai radio. Cuma dua buah rumah sahaja yang mempunyai radio di Kampung Paya Buntar, Jelam.

Harga sebuah radio amat mahal dan hanya mampu dimiliki oleh orang kaya atau mereka yang bekerja makan gaji. Lazimnya mereka yang membeli radio ini akan membayarnya secara ansuran. Baharom, seorang guru lulusan Maktab Perguruan Sultan Idris, justeru itu tidak meng-

*Siti Aminah dan rakan-rakannya gemar mendengar sandiwara radio. Dari sinilah bermulanya dia mengasah bakat menulis.*



hairankan jikalau dia berkemampuan untuk membeli sebuah radio.

Baharom dan Kamariah pulang ke Kampung Paya Buntar pada musim cuti sekolah yang panjang, iaitu ketika bulan puasa. Melihat sahaja abang iparnya mengeluarkan radio bateri basah daripada begnya, Siti Aminah melompat kegembiraan. Dia kini boleh mendengar siaran radio sepuas-puas hatinya. Jiran tetangga dan kawan-kawan kampungnya turut bertandang di rumah Siti Aminah. Mereka berkumpul semata-mata untuk mendengar sandiwara radio.

### Ilham Siti Aminah bernas

Pada suatu petang Siti Aminah dan rakan-rakannya mendengar sebuah sandiwara radio yang berjudul "Pembalasan Anak Derhaka". Kisahnya menyamai cerita *Si Tenggang*, anak yang menderhakai ibu apabila sudah menjadi ternama dan kaya. Dalam sandiwara itu, Mutalib dan isterinya, Maimunah watak utama dalam sandiwara radio menemui ajal dipanah petir



Bangsawan dan drama Melayu atau sandiwara radio antara rancangan kesukaan Siti Aminah.

sebagai balasan, kerana menderhaka kepada ibu. Siti Aminah menyuarakan perasaan terkilan dengan penyudahan cerita itu.

“Jikalau tidak dimatikan watak Mutalib dan Maimunah bukankah elok.” Siti Aminah memberi pendapat di hadapan kawan-kawannya.

“Bukankah mereka bersikap derhaka dan biadab pada ibu mereka?” Rokiah, rakan Siti Aminah berhujah.

“Betul tetapi apa salahnya jikalau penulis membuat watak ini menerima pembalasan seperti cedera sahaja ketika dipanah petir. Cerita tidak akan ternoktah begitu sahaja. Sebaliknya, mereka sempat meminta maaf dengan ibu. Pasti kesudahan begini lebih menyayat hati kerana kita berpeluang menyelami perasaan hati seorang ibu yang tergores. Rasanya, cara begini lebih meninggalkan kesan di jiwa dan penuh pengajaran.” Siti Aminah meluahkan pandangan. Teman-temannya semua menganggukkan kepala tanda bersetuju.

“Yalah, jikalau Siti Aminah menjadi penulis sandiwara radio ini tentu lebih menarik. Entah-entah, kita semua menangis teresak-esak dengan kesudahan cerita Siti Aminah,” usik Rokiah lagi.

Semenjak hari itu ramai rakannya mengagumi bakat Siti Aminah. Mereka berkumpul bukan sekadar mendengar sandiwara radio malah bertukar-tukar fikiran mengenai kisah yang diikuti. Selalunya, Siti Aminah mampu memberi cadangan dan pandangan yang paling bernas.

Ramai di kalangan rakan Siti Aminah menyedari gadis kecil itu berbakat besar dalam bidang kepengarangan. Namun, Siti Aminah menafikannya. Dia tidak menganggap cadangan dan ilham penceritaannya itu sebagai satu bakat. Malah dia tidak pernah terlintas dalam fikirannya untuk menjadi penulis terkenal.



Dalam hidupnya, matlamat utamanya adalah untuk menjadi guru sekolah seperti abang iparnya ataupun kerani sebagai memenuhi impian ayah dan ibu.

## Anak merdeka

Sebagai seorang anak yang membesar di ambang kemerdekaan, Siti Aminah amat menghargai perjuangan untuk menuntut kemerdekaan. Satu kenangan yang tidak dapat dilupakan ialah Siti Aminah telah turut serta bersama rombongan dari kampungnya bersama-sama menyambut kepulangan rombongan kemerdekaan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj di Melaka. Mereka turut bersama-sama rakyat dari seluruh pelosok negara untuk menyaksikan pengisytiharan kemerdekaan tanah air walaupun mereka terpaksa berkorban wang ringgit untuk ke sana.



Tunku Abdul Rahman mengetuai rombongan menuntut kemerdekaan di London pada tahun 1956.



Tunku sedang memberi ucapan di perhimpunan raksasa di Padang Bandar Hilir sebelum mengumumkan tarikh kemerdekaan.

## MEMASUKI DARJAH KHAS

Manusia pada asalnya sama. Perbezaannya hanyalah pada ilmu yang tersemat di dada. Kemiskinan seseorang itu sebenarnya mengikut kadar ilmu yang ada pada dirinya. Bukanlah berdasarkan harta atau wang yang dimiliki. Malah ilmu lebih bernilai dan berharga daripada harta. Bukankah ilmu menjaga manusia dan apabila kehidupan manusia sempurna, barulah manusia mampu menjaga harta mereka.

Walaupun hanya bekerja sebagai wali hakim kampung, Yusof sentiasa mengingatkan anak-anaknya akan kepentingan ilmu. Begitu juga dengan isterinya, Zabedah. Walaupun tidak bersekolah namun dia sedar betapa pentingnya ilmu pengetahuan untuk dijadikan obor penyuluh hidup.

Pasangan suami isteri ini berazam dan sepakat, biarpun mereka tidak kaya harta benda, namun anak-anak mesti disekolahkan dan diberikan pendidikan secukupnya.

Pernah berlaku peristiwa dalam keluarganya, Yusof dan Zabedah dicemuh dan diumpat orang kampung kerana keputusan mereka yang di luar jangkaan. Walaupun dirinya dilahirkan di Makkah, mendapat didikan agama yang cukup lagi mendalam namun ini tidak bererti Yusof memusuhi ilmu dari Barat.

Pada ketika itu anak-anak Melayu yang

*“Harta semakin berkurangan apabila digunakan atau dibelanjakan. Akan tetapi, ilmu apabila digunakan akan memberi manfaat kepada manusia. Malah tidak pernah akan luak atau susut”.*

Inilah antara pesanan dan nasihat ayah yang masih terngiang-ngiang di telinga Siti Aminah.



Abdul Rahman - abang Siti Aminah yang mendapat pendidikan di sekolah Inggeris.

cerdik dan pintar apabila lulus cemerlang dalam peperiksaan layak memasuki sekolah aliran Inggeris. Pun, ada ketikanya tindakan ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah beraliran Inggeris dipandang serong oleh segelintir masyarakat. Mereka menganggap tindakan itu hanya merosakkan akidah anak-anak yang masih muda.

Abdul Rahman, abang Siti Aminah yang merupakan anak keempat dalam keluarga, pintar ketika bersekolah. Ini mendorong Yusof menyekolahkan anaknya itu ke sekolah aliran Inggeris di Mentakab. Tindakan Yusof ini menimbulkan sedikit kekecohan pada orang kampung. Timbul pula isu kononnya apabila Abdul Rahman bersekolah Inggeris, dia akan menjadi kafir. Kewibawaan Yusof sebagai wali hakim juga dipertikaikan.

Namun semua rintangan ini tidak mematahkan semangat Yusof dan Zabedah. Mereka menganggap cabaran ini hanya kecil dan tidak perlu dihiraukan. Bagi mereka, anak-anak berhak mendapat pendidikan yang terbaik dan sempurna. Ilmu pengetahuan sama ada dari Timur atau Barat tidak perlu dijadikan isu. Yang penting, anak-anak mampu menimbangkan buruk dan baik sesuatu perkara. Buruk dijadikan sempadan, baik dijadikan teladan. Ilmu di sekolah juga tidak perlu dicampuradukkan dengan agama. Itulah yang sering dipesan dan dinasihatkan Yusof kepada anak-anaknya.

Walaupun agak nakal dan lasak ketika melalui zaman kanak-kanak, Siti Aminah tidak pernah mengabaikan pelajaran sekolah. Biar pun dia terpaksa bersusah-payah dan berpeluh mengayuh perahu untuk ke sekolah, tetapi kepayahannya itu tidak pernah dijadikan alasan untuk dia mengabaikan persekolahannya. Setiap kerja sekolah yang diberi oleh guru disempurnakannya

tepat pada waktunya. Tidak pernah sekali dia culas membuat kerja sekolah apatah lagi untuk memonteng sekolah. Walaupun pada musim hujan lebat, dia tetap menggagahkan diri berkayuh perahu. Kehidupan serba sederhana menjadikan Siti Aminah pelajar gigih. Berbekalkan kudrat yang tidak seberapa sebagai seorang gadis kecil, Siti Aminah pantas berkayuh sambil sesekali pantas mencedok air hujan yang memenuhi perahu.

Berkat ketekunannya di sekolah dan kegigihannya menelaah pelajaran apabila di rumah, Siti Aminah mendapat keputusan yang cemerlang setiap kali peperiksaan. Selepas tamat darjah enam di Sekolah Kebangsaan Durian Tawar pada tahun 1957, Siti Aminah menyambung persekolahannya di darjah khas. Sekolah Kebangsaan Durian Tawar hanya menawarkan pengajian hingga darjah enam sahaja. Ini bererti Siti Aminah harus memasuki sekolah lain.



1958 - Siti Aminah meneruskan pengajian ke darjah khas, di sebuah sekolah di Temerloh, Pahang.

---

Pada tahun 1958, Siti Aminah memulakan azam barunya dengan melangkah kaki ke darjah khas di sebuah sekolah di Temerloh, Pahang. Bermulalah detik baru dalam hidup gadis dari Kampung Paya Buntar ini.

### Menumpang rumah Mak Usu Umbi

Berulang-alik dari kelas khas itu ke rumahnya di Kampung Paya Buntar amat mustahil. Jarak yang jauh serta sistem pengangkutan yang tidak begitu selesa, memaksa Siti Aminah mencekalkan hati berjauhan dari keluarga.

Inilah kali pertama Siti Aminah tinggal berasingan daripada ayah dan ibunya. Dia berasa agak janggal dan kekok. Usianya baru menjangkau 13 tahun namun dia sedar bahawa dia harus berfikiran matang untuk berhadapan dengan segala cabaran baru dalam hidupnya.

Bagi membantu meringankan beban Yusof dan Zabedah, seorang saudara yang menetap di



Lembu dan kerbau antara pengangkutan penting di kampung dahulu kala selain menggunakan perahu apabila meredah sungai.

pekan Temerloh menawarkan rumah mereka sebagai tempat tinggal Siti Aminah. Adat hidup bersaudara di kampung memang saling bantu-membantu apabila mendengar saudara-mara atau jiran tetangga berada dalam kesulitan. Yusof dan Zabedah berasa amat lega apabila mendengar khabar ada saudara di Temerloh sudi menumpang di rumahnya sepanjang persekolahannya. Setidak-tidaknya mereka boleh bergantung harap pada saudara yang dikenali sebagai Mak Usu Umbi untuk menengok-nengokkan Siti Aminah.

"Limah, pandai-pandailah membawa diri. Hidup di tempat orang kenalah rajin berusaha, ringan tulang dan bersopan-santun. Sembahyang lima waktu sehari jangan ditinggal." Zabedah pula berpesan.

"Em, Siti tiada masalah. Bukankah Siti sudah biasa berhadapan dengan orang ramai yang berbagai-bagai ragam sewaktu melayan tetamu ayah di rumah? Ketepikan perasaan bimbang dan cemas. Siti mesti tekun belajar agar lulus cemerlang dalam peperiksaan. Barulah dapat membalas jasa keluarga." Abang iparnya, Cikgu Baharom sempat memberi nasihat dengan kata-kata yang meniupkan semangat. Siti Aminah yang pada mulanya keberatan memasuki darjah khas di pekan Temerloh kembali tenang apabila seluruh keluarga memberi sokongan moral kepadanya.

Adat menumpang di rumah orang mesti pandai membawa diri. Melangkah kaki ke darjah khas bererti Siti Aminah harus berdepan dengan rakan-rakan baru. Walau bagaimanapun, Siti Aminah tidak bermasalah untuk menyesuaikan diri dengan kenalan barunya. Siti Aminah kembali tenang dan dapat menumpukan sepenuh perhatian pada pelajarannya. Selain sibuk mengulang kaji pelajaran sekolah, Siti Aminah tidak pernah lupa

*"Bukannya pergi untuk berperang. Pergi mencari ilmu! Biar susah sekarang, senang pada kemudian hari," Yusof menenangkan perasaan Siti Aminah apabila dilihat anak gadisnya itu keberatan untuk tinggal berjauhan dari keluarganya kerana terpaksa menyambung pelajaran di pekan Temerloh.*



Siti Aminah ketika usia meniti remaja.



*Siti Aminah selalu membantu Mak Usu Umbi mengukur kelapa. Kukur kelapa dahulu memang cantik dan berseni.*

menghulurkan pertolongan kepada Mak Usu Umbi, ibu angkatnya.

Keluarga Mak Usu Umbi mencari pendapatan hariannya dengan menjual nasi lemak. Setiap pagi Mak Usu Umbi menghantar nasi lemak ke kedai-kedai yang melangganinya. Seperti peniaga makanan yang lain, Mak Usu Umbi pasti sibuk dan harus bangun sebelum subuh untuk menyediakan juadah jualannya.

## Belajar berniaga

Berniaga nasi lemak bererti santan kelapa merupakan keperluan utama dalam masakan. Mak Usu Umbi harus menyediakan santan kelapa untuk ditanak bersama-sama nasi. Kelapa mestilah siap dikopek dan dikukur. Siti Aminah selalu membantu Mak Usu Umbi dan anak-anaknya mengukur kelapa. Jika kerja sekolah tidak banyak yang harus diselesaikan, Siti Aminah menolong keluarga angkatnya membungkus nasi lemak di dalam daun pisang. Keenakan bau nasi lemak amat menyelerakan apabila dibungkus di dalam daun pisang. Semenjak menumpang di rumah Mak Usu Umbi, barulah Siti Aminah menyedari ibu angkatnya itu orang yang pakar memasak nasi lemak. Sambal ikan bilisnya begitu membangkitkan selera. Diam-diam, Siti Aminah mengakui di dalam hatinya bahawa dia tidak pernah menjamah nasi lemak yang begitu enak seperti yang dimasak oleh Mak Usu Umbi.

“Biar lebih nasi, Siti,” Mak Usu Umbi menegur apabila Siti Aminah membantunya membungkus nasi lemak.

“Em, cukuplah ni. Nanti Mak Usu rugi jika bubuh nasi banyak-banyak,” syor Siti Aminah.

“Tak mengapa ... kita niat bersedekah dengan rezeki yang ada ni. Insyallah Tuhan

balas lebih banyak daripada ini. Berniaga tidak bolehlah jikalau asyik memikirkan keuntungan saja. Biar untung sedikit tetapi berkat. Itu lebih bagus," jelas Mak Usu Umbi.

Banyak perkara yang dipelajari oleh Siti Aminah sewaktu menumpang di rumah Mak Usu Umbi. Selain dapat berkongsi ilmu memasak, Siti Aminah dapat melatih diri dengan semangat berniaga. Selain membantu di dapur, Siti Aminah tidak keberatan menolong ibu angkatnya itu menghantar nasi lemak ke kedai-kedai yang melangganinya.

Beberapa kedai kopi berdekatan rumah Mak Usu Umbi melangani nasi lemaknya. Setiap pagi sebelum ke sekolah, menjadi tanggungjawab Siti Aminah membawa bakul-bakul berisi nasi lemak. Dia akan mengagih-agihkan nasi lemak itu kepada beberapa buah kedai seperti yang dipesan oleh Mak Usu Umbi. Walaupun hanya setahun tinggal di rumah Mak Usu Umbi banyak pengalaman dipelajari oleh Siti Aminah. Malah dia semakin matang dan dewasa apabila sering bercampur gaul dengan jiran tetangga Mak Usu Umbi. Siti Aminah hanya pulang ke rumahnya di Kampung Paya Buntar pada hujung minggu atau cuti persekolahan yang panjang.

MENJADI GURU  
AMANAT AYAH

Berkat kegigihannya menelaah pelajaran sekolah, Siti Aminah berjaya mendapat pangkat A untuk peperiksaan ke sekolah menengah. Bukan calang-calang pelajar perempuan Melayu yang mampu menunjukkan keputusan cemerlang pada masa itu. Kegembiraan Siti Aminah walau bagaimanapun tidak berpanjangan. Dia ingin melanjutkan pengajiannya ke sekolah menengah. Sebaliknya, Yusof amat berhajat untuk melihat Siti Aminah bergelar guru.

“Tetapi Siti hendak belajar lagi. Siti masih mahu bersekolah.” suara Siti Aminah terputus-putus. Dia tidak berniat hendak membantah permintaan ayahnya. Namun jauh di sudut hati dia masih seronok untuk meneruskan pengajiannya. Jikalau boleh dia ingin bersekolah sampai ke peringkat tinggi.

Yusof tidak memaksa anaknya namun Siti Aminah memahami hajat ayahnya. Ibunya pula menyokong cadangan ayahnya. Siti Aminah tiada pilihan. Malah dia tidak tergamak hendak menghampakan harapan kedua-dua orang tuanya. Akhirnya, dia bersetuju untuk menjadi guru sementara. Kali pertama dalam hidup, Siti Aminah bergelar guru ketika masih berusia 14 tahun. Bertubuh kecil dan berusia muda namun ini tidak menghalang Siti Aminah bersungguh-sungguh mengajar. Tawaran menjadi guru sementara dari

*“Guru itu pekerjaan mulia. Mendidik anak bangsa, berkongsi ilmu dan mendidik pemimpin negara pada masa hadapan.” Amat lembut suara Yusof memujuk anak gadisnya.*

Sekolah Kebangsaan Jambu Rias, Karak, Bentong, Pahang akhirnya diterima. Ibu bapa Siti Aminah amat lega apabila anak gadis mereka menjadi guru. Mereka berdoa agar pada satu hari kelak, Siti Aminah terpilih memasuki Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Durian Daun, Melaka.



Sekolah Kebangsaan Jambu Rias membuka peluang Siti Aminah menjadi guru.

## Menyewa rumah tauke kedai kopi

Sekali lagi Siti Aminah harus berjauhan dengan keluarganya. Siti Aminah terpaksa mencari rumah sewa di Kampung Jambu Rias kerana ia agak jauh dari kampungnya. Berbekalkan beg pakaian dan sebuah tilam, Siti Aminah ditemani ibu dan ayah ke tempat barunya. Sewaktu mencari-cari tempat tinggal yang sesuai, mereka disapa oleh seorang tauke kedai kopi. Mereka mengenalkan diri sebagai Mak Cik Yang dan suaminya, Mohamad Lela. Kasihankan kepada Siti Aminah yang masih awal remaja, Mak Cik Yang menawarkan rumahnya sebagai tempat tinggal. Malah mereka

*Pada waktu terluang Siti Aminah rajin menolong Mak Cik Yang di kedai kopi. Siti Aminah berusaha sedaya mungkin membantu Mak Cik Yang sebagai membalas budi ibu angkatnya itu.*

berjanji kepada kedua-dua orang tua Siti Aminah akan menjaga dan menganggap gadis itu seperti anak mereka sendiri. Mak Cik Yang ternyata amat baik. Dia melayan dan menjaga Siti Aminah bagai anaknya.

Ketika mengajar Siti Aminah amat tegas dengan murid-muridnya. Mereka agak nakal namun Siti Aminah berjaya mengawasi dan mendidik murid-muridnya dengan baik. Jauh di sudut hati Siti Aminah tetap menyimpan cita-cita untuk menyambung pelajarannya. Bergaji sebanyak RM90 sebulan Siti Aminah berusaha menabung walaupun tidak begitu besar simpanannya. Dia membayar sebanyak RM30 untuk sewa rumah kepada Mak Cik Yang manakala RM30 diberikan kepada ibunya.



Kediaman Mak Cik Yang yang pernah menjadi tempat Siti Aminah menumpang teduh.

## Ayah pergi buat selama-lamanya

Langit tidak selalu cerah, sesekali awan mendung tetap berarak. Demikian dengan kehidupan Siti Aminah. Dia tidak pernah menduga pesanan ayahnya agar menjadi guru adalah amanat yang terakhir. Ayahnya menghembuskan nafas terakhir tidak lama selepas Siti Aminah bergelar guru sementara. Yusof diserang demam panas selama seminggu sebelum meninggal dunia. Dia sempat berpesan kepada Zabedah agar menjaga anak-anak sebaik mungkin agar menjadi orang yang berguna kepada agama dan bangsa.

Pemergian ayahnya ke rahmatullah bagai menyentak segenap kekuatan Siti Aminah. Dia tidak menyangka bapanya akan pergi buat selama-lamanya dalam masa sebegitu cepat. Barulah dia menyedari mengapa ayahnya melarang dia memasuki sekolah menengah. Ayahnya seolah-olah tahu dia tidak akan hidup lama. Seandainya Siti Aminah masih bersekolah pasti persekolahannya terganggu kerana ketiadaan wang belanja. Ayahnya tidak mahu menyusahkan sesiapa. Siti Aminah sebak mengenangkan semua kenangan dan pesanan ayahnya. Bermula dari detik itu dia berazam untuk menggandakan kegigihannya mengajar murid-murid. Dia bersungguh-sungguh apabila mengajar. Walaupun terpaksa memanjat dan berdiri di atas tong kerana tidak sampai menulis di papan hitam, Siti Aminah menyingkiri perasaan malunya.

*Pemergian ayah tersayang bagai merentap semangat Siti Aminah. Namun dia tetap meneruskan cita-citanya.*

## Kenangan di Jambu Rias

Siti Aminah masih tidak dapat melupakan saat dia diberi penghormatan melayan tetamu kehormat, iaitu Tun Abdul Razak yang melawat Kampung Jambu Rias. Pada masa itu Tun Abdul Razak diraikan dalam satu majlis penyampaian

penghargaan kerana dua orang pengganas komunis berjaya dibunuh di daerah itu.

Masyarakat kampung memang mengamalkan cara hidup yang harmoni dan mesra. Sungguhpun tidak kaya dengan wang ringgit namun masyarakat kampung amat berbudi bahasa. Siti Aminah masih terkenang musim buah-buahan ketika di Kampung Jambu Rias. Saat itu amat menyeronokkan. Setiap pagi Khamis pada musim durian, di hadapan rumah tumpangnya sudah tersedia dengan longgokan buah durian. Kesemua buah durian itu dihantar oleh anak-anak muridnya untuk dibawa pulang oleh Siti Aminah ke Kampung Paya Buntar. Amat lucu, semua buah durian itu licin dan tidak berduri. Murid-muridnya sudah menetak kulit durian hingga licin tidak berduri untuk memudahkan Siti Aminah membawa pulang ke kampungnya.

## Ramai jejak ingin meminang

Semangat ingin terus belajar tidak pernah padam di dalam jiwa Siti Aminah. Wang simpanan yang sudah terkumpul sedikit demi sedikit bagai mendorong dirinya untuk meneruskan niat di hati. Diam-diam dia mendaftarkan diri untuk kelas peperiksaan L.C.E. (*Lower Certificate of Education*). Siti Aminah harus mengikuti kelas yang diadakan pada setiap hujung minggu selama tiga tahun. Malangnya, belumpun sempat dia menduduki peperiksaan L.C.E. dia mendapat surat pemberitahuan bahawa perkhidmatannya sebagai guru sementara ditamatkan. Dia sempat menjadi guru sementara dari tahun 1959 hingga 1960.

Berita ini sungguh mengecewakan. Siti Aminah berasa amat hampa dan menangis tersedu-sedu apabila mendapat tahu berita duka itu. Dia berasa cemas memikirkan pembiayaan

kelas L.C.E. Berhenti mengajar bererti dia tidak mempunyai sumber pendapatan tetap. Ini paling menakutkannya. Siti Aminah tidak mahu cita-citanya terpadam separuh jalan.

Masalah bertimpa-timpa apabila ibunya pula sering menerima kunjungan keluarga jejaka yang ingin melamar Siti Aminah. Zabedah sendiri berasa serba-salah untuk memberi kata putus. Adat di kampung apabila seseorang gadis meningkat dewasa, mereka pasti segera dilamar. Mendirikan rumah tangga pada usia belasan tahun adalah kebiasaan bagi anak gadis seperti Siti Aminah. Fikiran Siti Aminah bercelaru malah dia sering menangis dan mengadu masalahnya kepada kakaknya, Kamariah.

### Mengikuti kelas lanjutan

Memahami cita-cita Siti Aminah ingin terus belajar, abang iparnya, Baharom, bertindak menyelamatkan keadaan. Dia mendaftarkan Siti Aminah di kelas lanjutan, Sekolah Abu Bakar, Temerloh, Pahang pada tahun 1961. Perkara ini amat melegakan Siti Aminah. Malah ibunya juga tumpang gembira kerana anak gadisnya tidak lagi bersedih dan bermurung. Bagi meneruskan persekolahan di pekan Temerloh, Siti Aminah berpindah untuk tinggal bersama-sama Kamariah dan Baharom.

Menghargai jasa dan budi baik keluarga Kamariah dan Baharom, peluang yang terbentang di hadapan mata digunakan sepenuhnya. Siti Aminah berusaha gigih dan tekun menelaah pelajarannya walaupun perbelanjaan sekolahnya amat terhad. Berkat ketekunan, dia mendapat keputusan cemerlang dalam setiap peperiksaan. Kelas lanjutan itu diadakan pada sebelah petang lantas waktu terluang sebelah pagi digunakannya untuk membantu Kamariah menguruskan kerja

*Kedukaan Siti Aminah terubat apabila berjaya memasuki kelas lanjutan.*

rumah seperti membasuh, mengemas dan memasak.

Bagai bulan jatuh ke riba, Siti Aminah tidak menyangka prestasi cemerlangnya sentiasa diperhatikan oleh guru darjahnya, Cikgu Alias Haji Idris. Berdasarkan keputusan peperiksaan yang sentiasa cemerlang, gurunya itu telah mencadangkan kepadanya agar memohon untuk memasuki semula sekolah menengah rasmi. Berita ini amat mengejutkan Siti Aminah. Dia benar-benar terharu kerana tidak menyangka segala kesusahan yang dialaminya selama ini mendapat balasan yang setimpal apabila dia berusaha gigih.

Cikgu Alias membincangkan perkara ini dengan Guru Besar Sekolah Abu Bakar Temerloh, iaitu Encik Siva agar menyokong permohonan Siti Aminah. Sesudah mendapat kata sepakat, mereka menghantar permohonan itu kepada pihak berwajib. Kamariah, Baharom dan keluarga di kampung turut dikhabarkan dengan perkembangan itu. Masing-masing tumpang gembira dan mendoakan kejayaan Siti Aminah. Pun begitu Siti Aminah tidak menaruh harapan yang tinggi. Dia tahu bukan mudah bagi pelajar sepertinya yang sudah lama meninggalkan bangku sekolah rasmi untuk diterima belajar semula.

## Kembali ke bangku sekolah

Di luar jangkaan, sekali lagi Siti Aminah disentak dengan khabar gembira. Permohonannya untuk memasuki sekolah menengah rasmi kerajaan diterima. Dia amat terharu dan berkali-kali mengucapkan terima kasih atas jasa baik guru-gurunya. Baginya, usaha dan budi baik Cikgu Alias tidak mungkin terbalas. Semenjak hari itu keluarga Cikgu Alias di-

anggap seperti keluarga saudara sendiri. Malah perhubungan yang akrab ini terjalin sehingga kini.

Siti Aminah amat beruntung kerana dia tidak perlu memasuki tingkatan satu. Dia terus diterima masuk tingkatan dua di sekolah menengah rasmi, Sekolah Abu Bakar, Temerloh, Pahang pada tahun 1961 hingga 1962. Cabaran agak besar menunggunya kerana dia harus menyaingi rakan-rakan kelas yang mempunyai asas pelajaran tingkatan satu. Namun ini tidak sedikitpun mematahkan semangat Siti Aminah. Dia tetap gigih menghadapi cabaran.

Dalam masa yang sama, Siti Aminah kembali tinggal bersama-sama ibunya di kampung. Ini tidak lain untuk meringankan beban ibu menanggung perbelanjaan sekolahnya. Dia berulang-alik dari sekolah ke rumah.

## Mengajar kelas dewasa

Siti Aminah memohon mengajar kelas dewasa pada setiap hujung minggu untuk membantu meringankan beban ibunya. Melalui pekerjaannya itu dia memperoleh bayaran elaun lebih kurang RM45 sebulan. Sewaktu berada dalam tingkatan dua dan tingkatan tiga, Siti Aminah berulang-alik dari rumah ke sekolah. Kadangkala dia terlambat ke sekolah kerana cuaca yang tidak menentu pada musim tengkujuh melambatkan pergerakan perahunya. Pelantikan sebagai pengawas sekolah diterimanya dengan rasa bangga bercampur cemas. Bangga kerana guru meyakini kebolehannya. Dia juga berasa cemas kerana bermula pada hari itu dia harus pergi ke sekolah lebih awal daripada biasa. Sebagai pengawas sekolah dia tidak boleh sama sekali datang lewat.

Dugaan yang ditempuhinya sebagai anak

*Pengalaman mengajar murid-murid dewasa amat bermakna bagi Siti Aminah.*

kampung yang tinggal di pinggir sungai Pahang bukan sedikit. Jikalau cuaca tidak elok, Siti Aminah terpaksa bermalam dengan menumpang di rumah kawan sekolah. Memang ada kawan sekolah Siti Aminah yang senasib dengannya menyewa rumah rakit di Sungai Pahang. Sewanya tidaklah begitu mahal.

Pada masa inilah minat Siti Aminah dalam dunia penulisan mula bercambah. Siti Aminah agak cergas dalam Persatuan Bahasa dan Sastera Sekolah. Bermula dengan majalah sekolah, dia mula mengasah bakat dalam dunia penulisan.

## BAKAT MENGARANG MERAH KEJAYAAN

Sewaktu berada dalam tingkatan tiga, iaitu pada tahun 1962, Persatuan Bahasa dan Sastera Sekolah menganjurkan Peraduan Menulis Sajak dan Cerpen. Siti Aminah yang selama ini hanya rajin membaca dan mengutip cerita, mencuba bakat mengarang. Dia mencuba menulis cerpen dan sajak. Percubaan pertamanya berjaya dan dia meraih wang sebanyak RM8.00. Ketika itu hadiah untuk cerpen sebanyak RM5.00 dan RM3.00 untuk sajak. Namun bakat dan kegembiraan Siti Aminah dalam dunia penulisan terhenti setakat itu. Dia tidak tahu bagaimana dan ke mana harus karyanya dihantar. Bagi gadis kampung sepertinya amat kurang pendedahan yang diterima mengenai dunia penulisan.

Setelah lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (Siti Aminah adalah kumpulan ketiga Pelajar Aliran Melayu) dia melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Sultan Abu Bakar, Kuantan, Pahang. Ini disebabkan sekolah yang mempunyai kelas tingkatan empat belum ada di pekan Temerloh. Siti Aminah memasuki sekolah di Kuantan ini pada tahun 1963. Siti Aminah seperti biasa mengalami masalah perbelanjaan sekolah. Amat menyedihkan apabila dia tidak memperoleh biasiswa kecil persekutuan. Namun begitu, ini tidak mematahkan semangatnya. Abang-abangnya, Abdul Hamid, Abdul Manaf

*Kejayaan yang dicapai dalam peraduan menulis sajak dan cerpen membakar semangat Siti Aminah untuk terus berkarya.*



Sekolah Menengah Sultan Abu Bakar, Kuantan, Pahang.

dan Abdul Rahman yang sudah bekerja ketika itu banyak membantu dirinya apabila kekurangan wang. Masing-masing berkongsi wang membiayai perbelanjaan Siti Aminah. Ada yang memberi wang saku setiap bulan dan ada yang menyediakan wang setiap kali penggal persekolahan bermula. Siti Aminah amat terhutang budi kepada saudara-saudara lelakinya itu.

### **Karya tersiar di akhbar**

Dari Sekolah Menengah Sultan Abu Bakar, Kuantan yang ketika itu hanya tempat pelajar-pelajar tingkatan empat menumpang, mereka dipindahkan ke Sekolah Menengah Abdul Rahman Talib, Kuantan, Pahang pada tahun 1964. Kumpulan pelajar ini merupakan kelompok

pertama yang menjadi murid Sekolah Menengah Abdul Rahman Talib, di Kuantan, Pahang. Sewaktu berada di sekolah ini, Siti Aminah semakin cergas mengasah bakat.

Ketika berada dalam tingkatan empat, Siti Aminah tinggal di asrama sekolah. Menghuni di asrama sekolah di bandar bererti dia semakin berpeluang meluaskan pembacaannya. Ketika inilah dia berkesempatan membaca surat khabar setiap hari. Membaca bagi Siti Aminah adalah satu kepuasan dan keseronokan. Segala berita dan rencana yang tertera dibacanya dengan bersungguh-sungguh. Ruangan yang paling diminatinya ialah ruangan untuk murid-murid sekolah yang diberi nama "Peristiwa Yang Tidak Boleh Saya Lupakan".

Dalam diam, Siti Aminah memberanikan diri mencoret detik kenangan semasa kematian ayah. Tanpa diduga catatan pengalaman pilunya itu mendapat perhatian pengarang dan tersiar di akhbar. Pada hari karyanya tersiar di akhbar, heboh satu sekolah. Rakan-rakannya berebut-rebut akhbar untuk membaca tulisan Siti Aminah. Agak lucu apabila belum sampai ke petang, akhbar itu sudah kumal dan lunyai kerana asyik-asyik beralih dari satu tangan ke satu tangan yang lain.

Amat memeranjatkan dirinya apabila ada pembaca akhbar yang mengutus surat kepadanya menyatakan simpati dan takziah. Mereka ini kemudian menjadi sahabat pena Siti Aminah.

Seperti tahun-tahun yang lalu, bakat Siti Aminah sekali lagi terhenti setakat itu. Dia tidak lagi berkarya kerana tidak pasti kepada siapa patut dihantar karyanya. Siti Aminah hanya boleh berpuas hati dengan kejayaannya itu. Dia meneruskan kembali minatnya membaca karya-karya penulis besar yang boleh diperoleh bukunya melalui perpustakaan sekolah.



---

## Memenangi RM25

Ketika berada dalam tingkatan lima, sekali lagi dia memasuki peraduan menulis esei anjuran sebuah bank. Bakat yang sedia ada hanya perlu digilap dan diasah. Siti Aminah kembali menulis dengan penuh semangat untuk peraduan ini. Sekali lagi sekolahnya riuh dan heboh dengan berita kemenangannya.

Dia memperoleh hadiah wang tunai berjumlah RM25 Pada tahun 1964, nilai wang sebanyak itu cukup besar. Siti Aminah hampir menitikkan air mata apabila guru mengumumkan namanya sebagai pemenang pada perhimpunan sekolah. Kemenangan menulis esei ini umpama pemangkin bagi dirinya untuk memasuki satu lagi peraduan.

## Sedih menerima piala

Kali ini peraduan menulis esei ini dianjurkan oleh Persatuan Penulis Wanita. Tuah sentiasa menyebelahi dirinya. Siti Aminah berjaya merangkul hadiah yang merupakan piala sumbangan penyanyi terkenal ketika itu, Fazedah Joned. Piala kemenangan hadiah penyanyi Fazedah Joned memang masih tersimpan baik hingga kini.

Di sebalik kemenangannya itu, ada kisah duka yang tersemat di sanubarinya sehingga kini. Sewaktu mendapat tahu kejayaannya itu, hati Siti Aminah berbaur riang dengan sedih. Riang kerana berjaya manakala sedih kerana dia tidak mampu untuk ke Kuala Lumpur menerima hadiahnya dalam satu majlis yang diraikan secara besar-besaran. Ini amat melukakan hatinya. Pun, Siti Aminah tidak pernah meluahkannya kecuali memendam perasaan sendirian.

Dirinya yang serba kekurangan dan sesudah



Piala sumbangan penyanyi Fazedah Joned ini menjadi milik Siti Aminah setelah dia memenangi peraduan menulis esei anjuran Persatuan Penulis Wanita.

kematian bapa menghalangnya daripada membazirkan wang dengan perkara yang tidak mustahak. Akhirnya piala itu diterima melalui seorang lelaki yang tidak dikenalnya. Lelaki itu cuma menyerahkan pialanya di kelas dan ini amat mengejutkan. Air mata Siti Aminah hampir menitis namun dia menguatkan semangat. Dia berazam menjadikan hadiah itu pembakar minatnya untuk terus berkarya.

### **Kelana Desa sebagai pendorong**

Walaupun tidak bersungguh-sungguh berkarya namun Siti Aminah beruntung kerana dia sebenarnya sering diperhatikan oleh guru bahasa Melayunya. Gurunya itu secara kebetulan seorang penulis dan sering menggunakan nama penanya, Kelana Desa. Guru lulusan Maktab Bahasa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur itu sering menghantar sajak-sajak nukilannya di akhbar dan majalah. Kelana Desa atau nama sebenarnya, Shamsuddin Ahmad sering memberi galakan kepada Siti Aminah dan rakan-rakannya untuk terus mengasah bakat dalam bidang penulisan.

Siti Aminah secara tiba-tiba bagai didorong untuk terus berkarya. Dia semakin rajin menghasilkan sajak-sajak yang berkait rapat dengan diri sendiri. Karya yang dihasilkan cukup banyak. Siti Aminah tidak begitu mempedulikan mutunya kerana pada ketika itu yang amat penting adalah dia berupaya meluahkan isi hatinya melalui karya sendiri.

Terpengaruh dengan kejayaan gurunya itu dalam dunia penulisan, Siti Aminah turut menyimpan cita-cita untuk menjadi penulis ternama. Dalam masa yang sama, minat berkarya menyebabkan mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sastera Melayu menjadi kegemaran Siti Aminah di sekolah. Berkat kesungguhannya itu, dia sering

mendapat markah cemerlang untuk dua mata pelajaran ini. Sepanjang tinggal di asrama sekolah banyak kenangan dan pengalaman dapat dikutip. Lebih-lebih lagi Siti Aminah merupakan pengawas sekolah dan dia adalah antara pengawas yang ditakuti kerana ketegasannya. Dia masih ingat detik manis apabila terpaksa menjamah ikan sardin dan sotong di dalam tin setiap hari di asrama apabila musim tengkujuh. Bekalan ikan yang terhad dan harga yang mahal memaksa mereka memilih makanan di dalam tin dalam menu harian.

Ketika dia berada dalam tingkatan empat, dia pernah diserang penyakit yang menyebabkannya sesak nafas dan sukar bernafas. Hampir seminggu dia terlantar di hospital. Walaupun keluarganya tidak dapat menziarahinya setiap hari, dia amat bertuah kerana rakan-rakan sedarjah melawatnya setiap hari secara bergilir-gilir. Malah guru darjahnya, Cikgu Abdullah Yunus amat baik hati dan menjenguknya setiap hari. Salah seorang jururawat di wad itu yang juga saudara kepada keluarga Siti Aminah melayannya dengan cukup baik. Bagi menghilangkan kesunyian Siti Aminah, jururawat itu meminjamkannya sebuah radio.

## **Memulakan penghidupan di Kuala Lumpur**

Pada tahun 1965 hingga tahun 1966, Siti Aminah berpindah ke Sekolah Menengah Alam Shah, Kuala Lumpur. Dia berhijrah ke Kuala Lumpur sebaik sahaja lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ketika dalam tingkatan lima. Perpindahan ini sedikit sebanyak memberi pendedahan yang berguna kepada Siti Aminah. Banyak perkara baru dipelajari ketika berada di kota. Hasil didikan keluarga di desa yang mementingkan tatasusila, kehidupan kota yang



Bangunan Sultan Abdul Samad dahulu pada pertengahan tahun 1960-an. Siti Aminah mula berhijrah ke Kuala Lumpur.



Bangunan Sultan Abdul Samad sekarang. Kuala Lumpur kini terus membangun dengan pesat.



Bangunan Stesen Keretapi Kuala Lumpur turut berubah persekitarannya, walaupun keaslian bangunan tetap terpelihara.



Sekolah Menengah Alam Shah - lembaran baru dalam hidup Siti Aminah.

serba moden tidak sedikitpun mempengaruhi Siti Aminah. Dia masih mengekalkan cara hidup yang serba sederhana dan berpegang teguh kepada agama.

Sewaktu berada di sekolah asrama penuh, Siti Aminah berpeluang membaca pelbagai jenis bahan bacaan, baik daripada jenis akhbar harian, makalah, jurnal mahupun majalah. Semua ini memberikannya ilmu dan ilham untuk berkarya.

Dia berusaha menghasilkan karya untuk dihantar ke sidang pengarang majalah dan akhbar. Walaupun karya yang dihantar cukup banyak dan tidak tersiar, namun Siti Aminah tetap tidak berputus asa. Malah dia terus menghasilkan nukilannya untuk simpanan sendiri.

## Giat menulis cerpen

Siti Aminah mendapat tahu pihak redaksi majalah sekolah sedang mengumpulkan karya pelajar-pelajar untuk menyempurnakan penerbitan majalah sekolah. Siti Aminah memberanikan diri menghantar cerpennya yang berjudul "Hatinya Menangis". Usahanya ternyata tidak sia-sia apabila cerpennya itu diterima untuk penerbitan. Karyanya itu mengisahkan pelajar remaja yang terpengaruh dengan gaya hidup kota hingga sanggup menghambakan ibu sendiri. Wang kepunyaan ibu yang tua dibelanjakan untuk hidup mewah dan bergaya di kota. Keadaan berubah apabila pelajar remaja itu tersedar dari sifat buruknya dan berjanji mengubah sikap.

Karya Siti Aminah ini diilhamkan melalui pemerhatiannya ketika sampai di Kuala Lumpur. Siti Aminah beranggapan hidup di kota besar seperti Kuala Lumpur memerlukan ketahanan jiwa yang kuat. Seseorang mudah terlajak langkah dengan keseronokan hidup di kota.

Sebuah lagi cerpennya yang berjudul "Berlarutlah Sesalan, Berbuahlah Keluhan" mengisahkan masalah pembangunan luar bandar pada ketika itu. Siti Aminah berjaya menampilkan tema hidup yang amat serasi dengan keadaan masyarakat desa. Ia mengisahkan keluarga peneroka tanah rancangan yang gagal mengusahakan kebun dan menangkis cabaran hidup di tempat baru. Akhirnya, keluarga ini kembali ke kampung asal dan meneruskan penghidupan seperti biasa

---

dalam keadaan melarat dan miskin yang tiada penghujungnya.

Masalah masyarakat desa yang diselubungi kemiskinan, masalah jiwa remaja yang bergolak dan kisah kenakalan pelajar adalah antara bahan yang sering mencetuskan ilham kepada Siti Aminah. Sewaktu bersekolah di Kuala Lumpur, Siti Aminah semakin akrab dengan karya-karya penulis besar tempatan seperti A. Samad Said, Usman Awang, Keris Mas, A. Samad Ismail dan ramai lagi. Malah penulis wanita tersohor, ketika itu Adibah Amin yang juga merupakan guru Siti Aminah adalah antara penulis yang sering menjadi idolanya. Karya-karya penulis hebat ini sering dibaca dan diperkatakan oleh Siti Aminah bersama-sama rakan lain yang mencintai sastera.

### **Majalah sekolah pencetus cerita**

Kenangan ketika menuntut dalam tingkatan enam sentiasa segar di dalam ingatannya. Ketika berada dalam tingkatan enam, dia amat cergas berkarya. Malah ketika berada dalam tingkatan enam jugalah dia berkenalan dengan Abu Hassan Mohd. Sham, jejak dari Temerloh, Pahang yang akhirnya menjadi suaminya.

Pada satu hari guru penasihat majalah sekolah memasuki kelas dan melepaskan kemarahannya hingga semua pelajar tunduk menikus. Semua ini gara-gara tiada bahan yang mencukupi untuk dimuatkan di dalam majalah sekolah. Amaran diberi dan dalam tempoh seminggu pelajar harus menyediakan bahan atau karya yang sesuai untuk majalah sekolah yang baru. Guru yang garang itu memaksa pelajar-pelajar berusaha menghasilkan karya masing-masing. Siti Aminah menghasilkan sebuah cerpen dan mengutip sajak daripada simpanannya. Ada seorang teman Siti Aminah terkejut dan gagal



Abu Hassan Mohd. Sham.

menghasilkan sebarang karya dalam tempoh seminggu. Untuk menyelamatkan keadaan, sajak yang ada dalam simpanan Siti Aminah dipilih. Pelajar itu menyalin semula sajak Siti Aminah dan menulis namanya sebagai pengarang.

Usaha Siti Aminah dan temannya tadi ternyata membuahkan hasil. Sajak mereka terpilih untuk dimuatkan di dalam majalah sekolah. Seluruh kelas mereka heboh dan masing-masing mengusik teman Siti Aminah. Dia selama ini tidak berminat dengan sastera tiba-tiba sahaja boleh menulis dengan baik hanya apabila berkawan dengan Siti Aminah. Mereka hanya tersenyum simpul menerima usikan itu.

### Sajak tersiar dalam *Angkatan Baru*

Bimbang isu menciplak karya timbul dan dimarahi guru, Siti Aminah tidak memecahkan rahsia ini kepada guru. Minat dan kesungguhan Siti Aminah untuk berkarya semakin bertambah semenjak kejadian itu. Siti Aminah yakin karya-karyanya boleh diterima masyarakat. Dia semakin giat menulis dan, menghantar karyanya ke majalah-majalah yang sesuai. Antaranya, majalah *Angkatan Baru* yang pernah sajaknya dihantar.

Di luar dugaan, sajaknya itu tersiar dan Siti Aminah menerima cek berpaling bernilai RM5. Siti Aminah amat gembira menerima cek itu tetapi buntu fikiran untuk menukarkannya dalam bentuk wang tunai. Akhirnya, dia memulangkan semula cek itu apabila diberitahu sidang editor *Angkatan Baru* bahawa dia boleh memilih tiga buah buku sebagai pengganti ganjaran wang tunai. Ini antara kenangan paling manis apabila karyanya kali pertama tersiar di majalah.



Siti Aminah bersama-sama seorang rakan semasa di tingkatan enam.

BERJAYA KE MENARA  
GADING

Berkat kesungguhannya dalam pelajaran Siti Aminah berjaya melanjutkan pengajian ke Universiti Malaya pada tahun 1967.

Mendapat tawaran dari Universiti Malaya, meresahkan hati siibu. Zabedah amat bimbang akan keselamatan anak gadisnya. Dia berasa tidak yakin untuk melepaskan Siti Aminah ke Kuala Lumpur. Seorang saudara di kampung, Tok Empat Mat Aris, menemui Zabedah dan memujuknya agar tidak bimbang. Menurutnya, di Universiti Malaya, mereka boleh mengharapkan Abu Hassan Mohd. Sham, yang juga saudaranya, untuk membantu Siti Aminah jikalau dia mengalami sebarang masalah di universiti.

Zabedah berasa lega apabila mendengar ada anak kampung dari Temerloh yang telah menjejakkan kaki ke Universiti Malaya. Sekurang-kurangnya Siti Aminah boleh bergantung harap jikalau ada kecemasan. Bagi Siti Aminah sendiri dia sudah mengenali Abu Hassan ketika di Sekolah Menengah Alam Shah lagi.

Di Universiti Malaya dia mengambil kursus Sarjana Muda Sastera dan Pendidikan. Ketika di kampus dia terpaksa berjimat cermat dengan wang dermasiswa daripada Kerajaan Persekutuan. Sewaktu itu, Universiti Malaya mempunyai sudut pidato dan Siti Aminah tidak terkecuali meminati program itu.



Siti Aminah di awal 20-an.



Siti Aminah (kanan) bergambar kenang-kenangan dengan seorang rakan di hadapan Dewan Tuanku Canselor Universiti Malaya.

---

## Kisah sebuah piano

Di Universiti Malaya, Siti Aminah tinggal di Kolej Kediaman Ke-4. Semasa tinggal di asrama, Siti Aminah mengalami satu peristiwa yang amat menyentuh hatinya. Di dewan makan asrama itu ada sebuah piano. Pelajar-pelajar yang terdiri daripada anak orang ternama dan berada lazimnya akan bermain piano sambil berehat di dewan itu.

Siti Aminah teringin benar hendak menyentuh piano itu namun tidak berani kerana malu kalau-kalau mata piano yang diketuknya berbunyi sumbang. Setiap kali apabila ada pelajar perempuan yang bermain piano, dia sering melihat dari jauh dengan penuh minat dan keinginan mencuba. Pada ketika itu juga dia berasa begitu asing dan amat rendah diri. Dia menyedari dirinya yang berasal dari kampung tidak pandai bermain piano. Apatah lagi anak yatim sepertinya yang pasti tidak mampu membeli sebuah piano.



Kolej Kediaman Ke-4 Universiti Malaya - asrama yang pernah didiami oleh Siti Aminah ketika menuntut di Universiti Malaya.

Peristiwa itu telah memberikan kesan kepada Siti Aminah. Dia telah menghadiahkan sebuah organ kepada anak keduanya, Nurzahiyah sempena kejayaannya mendapat lima A dalam peperiksaan Penilaian Darjah Lima. Malah organ itu boleh dimainkan oleh saudara-mara atau tetamu yang berkunjung ke rumahnya.

"Peganglah, sentuhlah, buatlah apa sahaja pada organ itu. Jikalau bunyinya sumbang tidak mengapa. Jangan malu. Memang begitu pesan saya kepada saudara-mara atau anak-anak buah daripada kampung! Saya tidak marah. Saya faham perasaan mereka lebih-lebih lagi mereka yang datang daripada keluarga miskin. Saya pernah merasai detik begitu dahulu!" kata Siti Aminah apabila bercerita mengenai organ anaknya.

## Jejaka bernama Abu Hassan


Persahabatan yang akrab dengan Abu Hassan berpanjangan hingga ke universiti. Abu Hassan sering menghantar Siti Aminah pulang ke rumah apabila musim cuti pengajian. Pada mulanya Zabedah bimbang dengan perhubungan yang terlalu rapat itu tetapi apabila diterangkan oleh Siti Aminah bahawa Abu Hassan sering menjadi tempat dia merujuk masalah semasa di Kuala Lumpur, ibunya mendiamkan diri.

Pada tahun 1968, Zabedah merancang untuk menyempurnakan ibadat haji di Makkah. Dia amat bimbang untuk meninggalkan Siti Aminah bersendirian di Kuala Lumpur. Justeru itu, apabila Siti Aminah menyatakan hasrat Abu Hassan hendak melamar dirinya, Zabedah berasa lega. Sekurang-kurangnya sewaktu dia mengerjakan ibadat di Makkah, dia tenang dan tidak perlu risaukan Siti Aminah.

Siti Aminah dan Abu Hassan bertunang lebih kurang enam bulan sahaja. Pernikahan mereka



Piano sering mengusik kenangan Siti Aminah ketika menuntut di Universiti Malaya.



Menunaikan fardu haji di Makkah impian setiap umat Islam. Ibu Siti Aminah berangkat ke Makkah pada tahun 1968.



Abu Hassan Mohd. Sham - bermula sebagai rakan sekolah, akhirnya menjadi suami Siti Aminah.

disempurnakan secara sederhana pada 28 Jun 1968. Sewaktu berkahwin Siti Aminah berada di akhir tahun pertama manakala Abu Hassan menuntut di akhir tahun kedua. Mereka adalah antara pasangan siswa dan siswi yang berkahwin ketika masih belajar. Ibu mentuanya, Jeriah Awang Daud menerima kehadiran Siti Aminah dengan tangan terbuka.

Pada 22 April 1969, Siti Aminah melahirkan anak sulungnya yang diberi nama Rafizah. Anak ini kemudiannya dihantar ke kampung dan dijaga oleh ibu dan kakaknya, Kamariah buat sementara waktu. Tanggungjawab sebagai pelajar, isteri dan ibu begitu mendambakan masa daripada Siti Aminah. Dia harus bijak mengagih-agihkan masa. Dia bernasib baik kerana ketika hamil anak sulung, dia tidak bermasalah dan kandungannya tidak meragam.



Perkahwinan ketika muda tidak menghalang Siti Aminah dan Abu Hassan meneruskan pelajaran mereka. Walaupun menghadapi beban perbelanjaan, mereka akhirnya berjaya menerima ijazah masing-masing.

Malah di kalangan rakan sekuliahnya, tidak ramai yang tahu dia hamil. Perutnya tidak begitu besar walaupun pada hujung kehamilan. Siti Aminah masih bergerak cergas menghadiri kuliah-kuliahnya. Hanya setelah berlaku satu peristiwa ketika Siti Aminah terlupa menghadiri kuliah kerana menjaga Abu Hassan yang demam kuat, barulah bocor mengenai rahsia dirinya hamil. Ketika itu dia harus membenteng kertas kerjanya dalam satu kuliah yang diketuai pensyarah berbangsa Inggeris.

Siti Aminah yang tidak hadir menyebabkan ketua kumpulannya cemas dan terpaksa mencarinya di rumah sewa. Tidak lama kemudian barulah rakan-rakan mengetahui bahawa Siti Aminah yang tidak sihat kerana hamil dan terpaksa menjaga suaminya yang juga tidak sihat.

## Keluarga sering membantu

Sepanjang berada di kampus, pasangan ini bertuah kerana apabila kewangan mereka bermasalah, saudara-mara terdekat di kampung tidak ragu-ragu membantu. Zabedah memelihara beberapa ekor kerbau. Dia akan menjual kerbau-kerbaunya pada setiap tahun baru apabila anak menantunya memerlukan wang untuk membayar perbelanjaan di universiti. Seekor kerbau bernilai RM100 – RM150. Abangnya, Abdul Manaf juga tidak ketinggalan menghulur bantuan seperti memberikan wang pendahuluan untuk Abu Hassan membeli motosikal.

Segala jasa dan budi saudara-saudaranya serta ibu tercinta bagi Siti Aminah dan Abu Hassan tidak mungkin dapat dibalas.

Kesibukan Siti Aminah semakin dirasai dan dia tiada masa untuk berkarya. Namun begitu, ketika di kampus dia berpeluang mempelajari dan mendalami ilmu kesusasteraan dengan lebih baik.



Ibu Siti Aminah rela menjual kerbau-kerbaunya untuk membantu membiayai pelajaran anak dan menantunya di universiti.



Jasa ibu dan kakaknya, Kamariah yang mengasuh anak sulungnya ketika dia masih belajar, tidak akan dilupakan oleh Siti Aminah sampai bila-bila.



Dia mengambil mata pelajaran sastera dan drama. Malah dia turut mencuba bakat dalam bidang lakonan pentas. Siti Aminah berlakon di Panggung Eksperimen, Universiti Malaya sebagai latihan amali di bawah pengawasan pensyarahnya, Profesor Mustapha Kamil Yasin.

Minatnya dalam dunia penulisan tidak pernah padam. Walau bagaimanapun kesibukan diri sebagai isteri dan pelajar menghalangnya daripada menghabiskan masa berkarya. Selepas tamat pengajian dan bergelar guru, Siti Aminah masih tidak berpeluang menghasilkan sebarang karya.



Kemuncak kejayaan bagi seorang siswa apabila menerima ijazah.



Si Aminah ketika ini hanya menggayakan jubah graduan UM ketika Abu Hassan menerima ijazah.



Siti Aminah - selepas tamat belajar dan memulakan kerjaya sebagai seorang guru.

## Kerjaya sebagai guru

Sebaik sahaja tamat pengajian dan memperoleh Diploma Pendidikan, Siti Aminah mula bertugas sebagai guru. Dalam masa yang sama dia sering dipelawa untuk menulis siri bimbingan sastera di akhbar-akhbar harian. Tidak kurang juga yang mengajaknya menulis siri pelajaran melalui pos. Semua kerja sampingan ini hanya membataskan masanya dalam dunia penulisan.

Sekolah pertama yang dijejakinya untuk mengajar ialah Sekolah Menengah Aminuddin Baki, Kuala Lumpur. Selepas itu dia bertukar ke Sekolah Menengah Petaling, Jalan Kelang Lama, Sekolah Menengah Sri Sentosa, Jalan Kuchai Lama sebelum berpindah ke Maktab Perguruan Islam. Beberapa tahun di sana dia berpindah sekali lagi ke Maktab Perguruan Teknik, Cheras, Kuala Lumpur. Menjelang bulan September tahun 2000, Siti Aminah menamatkan kerjayanya apabila mencapai umur persaraan wajib.



Siti Aminah (nombor lima dari kiri) kelka menjadi guru di Kuala Lumpur.



Siti Aminah sebagai guru penasihat persatuan di Sekolah Menengah Sri Sentosa, Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur.



Siti Aminah sebagai guru pasukan bola jaring di Sekolah Menengah Sri Sentosa, Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur.



Kenangan ketika menjadi guru sekolah.



Meherima cenderahati dalam satu majlis sekolah.



Siti Aminah (berkemeja putih) dalam temasya sukan sekolah.

## Minat Menulis datang Kembali

Walaupun sibuk dengan anak-anak dan bebanan tugas di sekolah, Siti Aminah masih berpeluang membaca buku-buku lama serta membelek-belek karya-karyanya yang lepas. Apabila membaca tulisannya yang lalu perasaannya tersentuh. Dia mula tergerak untuk kembali menulis.

Secara kebetulan pada waktu itu siri peraduan mengarang Esso-Gapena diadakan. Pada tahun 1981, Esso-Gapena menganjurkan peraduan menulis cerpen remaja. Abu Hassan membawa pulang borang penyertaan peraduan itu. Ini menyebabkan semangat Siti Aminah kembali berkobar-kobar. Setelah sekian lama tidak menulis, Siti Aminah agak gugup juga untuk menjalinkan ceritanya. Dia menghasilkan dua buah cerpen iaitu, "Sekeping Hati" dan "Sayang Oh Sayang". Dia berasa sungguh gembira apabila cerpennya itu berjaya meraih hadiah penghargaan.

Kedua-dua cerpennya itu terhasil melalui pengalamannya menangani masalah remaja sekolah. Karyanya itu berjaya dimuatkan dalam antologi *Pelarian Yang Pulang*. Cerpen "Sayang Oh Sayang" digarap sesudah perasaan Siti

*Disiplin pelajar yang sering memeningkan kepala guru dan masalah perhubungan dalam masyarakat yang pelbagai kaum menjadi rencah utama cerpen-cerpen Siti Aminah.*



Novel *Biarkan Ia Berlalu* karya Siti Aminah telah memenangi hadiah sagu hati Pertandingan Menulis Novel Esso-Gapena.



Siti Aminah dan suami dalam majlis penerimaan Hadiah Esso-Gapena.

Aminah tersentuh dengan kisah seorang anak manja yang lari dari rumah.

Semuanya gara-gara dimarahi ibu bapa kerana sering berkawan dengan budak-budak nakal. Malangnya remaja ini tidak betah tinggal bersendirian di kota besar apatah lagi untuk mencari rezeki sendiri. Pada saat itu, segala kebaikan ibu bapa terbayang dalam fikirannya.

Usaha Siti Aminah tidak terhenti setakat itu. Dia mencuba pula dalam pertandingan menulis novel Esso-Gapena. Sekali lagi dia berjaya meraih hadiah sagu hati untuk novel yang berjudul *Biarkan Ia Berlalu*. Kejayaan ini membolehkan Siti Aminah meraih wang tunai sebanyak RM750. Siti Aminah berasa sungguh seronok kerana percubaannya berjaya walaupun sekadar mendapat tempat sagu hati. Hadiah bukan perhitungan utama. Amat penting baginya, panel hakim menilai dan mengakui dirinya masih mempunyai bakat menulis.

Melalui karya ini Siti Aminah menggambarkan pengalamannya sendiri ketika menghuni asrama sekolah. Selain mengutip pengalaman masa silam, Siti Aminah turut memerhatikan gelagat dan kerenah pelajar apabila dia melawat anaknya yang belajar di sekolah asrama penuh setiap hujung minggu. Bagi Siti Aminah, amat penting karyanya itu mempunyai mesej yang boleh membentuk sahsiah murni para remaja.


## CATATAN PERJALANAN PEMBAWA TUAH

Kejayaan paling besar yang diraih oleh Siti Aminah adalah melalui novel *Aku Anak Timur*. Novel ini mendapat tempat pertama dalam Pertandingan Menulis Novel Pengembaraan anjuran Esso-Gapena. Pada awalnya Siti Aminah mengambil borang penyertaan tanpa berniat untuk bertanding. Tambahan pula dia tidak mempunyai sebarang pengalaman mengembara.

Tanpa disangka-sangka dia berpeluang untuk bercuti mengikut suami yang sedang menyambung pengajian di Leiden, Holland. Peluang untuk melihat negara orang terbuka luas. Dia sekeluarga melawat negara-negara Eropah.



Tuah suami yang menyambung pengajian di Leiden, Holland, turut melimpahi Siti Aminah. Garapan kehidupan di negara orang ini telah dijadikan ilham untuk Siti Aminah berkarya melalui novelnya *Aku Anak Timur*.



Perancis, England dan Jerman adalah antara tempat yang dilawati. Sepanjang perjalanan sama ada menaiki kereta api, kapal laut, feri atau kapal terbang, Siti Aminah rajin membuat catatan di dalam sebuah diari. Suaminya pula gemar mengumpul risalah pelancongan. Malah ketika menetap di sana Siti Aminah sering mengamati cara hidup, budaya dan perbezaan masyarakatnya. Semua ini dikumpul sebagai ilham untuk berkarya.

Sekembalinya ke tanah air, dia tergerak hati untuk memulakan usaha menulis novel ini. Baginya, jikalau dia tidak menang, tidak menjadi masalah. Amat penting baginya merakam catatan perjalanannya sebagai kenangan masa hadapan.

### ***Aku Anak Timur* rumit**

Menghasilkan karya berbentuk catatan perjalanan atau pengembaraan ternyata tidak semudah yang disangkakan. Siti Aminah harus berusaha lebih gigih bagi memastikan segala fakta yang diberikan tepat dan betul. Ini merangkumi ejaan, nama tempat, nama jalan, beberapa patah perkataan asing, termasuklah kedudukan geografi sesebuah negara. Kamus, peta, risalah pelancongan malah tiket bas, tiket kereta api dan tiket kapal terbang banyak membantu Siti Aminah dalam menyempurnakan novelnya ini.

Menghasilkan novel *Aku Anak Timur* memang memerlukan ketekunan dan sedikit ketelitian. Beberapa kali keasyikan berkarya terganggu apabila Siti Aminah harus memastikan beberapa maklumat yang ingin dicatatnya betul. Suaminya, Abu Hassan adalah orang yang banyak membantunya menyiapkan manuskrip novel *Aku Anak Timur*.

Novel *Aku Anak Timur* mengisahkan pengalaman seorang gadis remaja bernama



*Novel yang membawa tuah. Siti Aminah berkarya seikhlas hati. Dia tidak pernah terfikir karyanya akan dikaji pelajar-pelajar.*



Musim bunga di Belanda mencetus ilham Siti Aminah untuk menulis novel *Aku Anak Timur*.



Siti Aminah gemar merakam gambar serta membuat catatan setiap tempat yang dilawati. Ini membantunya untuk berkarya.

Zarina. Gadis ini mengikut ibunya ke Leiden, Holland untuk bersama-sama bapanya yang menyambung pengajian. Selain berpeluang melihat negara orang dan budaya masyarakat Eropah, Zarina dibawa berkunjung ke Paris, Munich dan London oleh bapanya. Semasa di Leiden dia berkenalan dengan seorang jejaka berbangsa Belanda yang fasih bertutur bahasa Melayu-Indonesia. Sedikit getar cinta bagai berputik namun Zarina sedar dia masih muda untuk bercinta. Keluarga ini akhirnya selamat kembali ke Malaysia sambil membawa seribu kenangan. Mesej novel ini amat bertepatan jikalau dikatakan hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri.

Novel ini diumumkan sebagai pemenang pada 15 Ogos 1984. Siti Aminah berjaya meraih hadiah wang tunai sebanyak RM8000. Selain menyimpan hadiah wang tunai itu, Siti Aminah



Berita kemenangan Siti Aminah meraih hadiah utama Pertandingan Novel Pengembaraan Esso-Gapena mendapat liputan meluas oleh akhbar tempatan.

menggunakan wang itu untuk mengubahsuaikan rumah ibunya di kampung.

Tanpa diduga, keikhlasan Siti Aminah berkarya terbalas apabila novel *Aku Anak Timur* terpilih dijadikan buku teks pengajaran Komponen Sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Secara tidak langsung, hasrat pertama Siti Aminah telah tertunai, iaitu menerapkan unsur menghargai negara sendiri ke dalam jiwa para remaja. Atas pemilihan ini Siti Aminah amat bersyukur dan berharap para pelajar mendapat manfaat apabila membaca dan mengkaji novel ini.

## Pengajaran amat penting

Bagi Siti Aminah setiap kali berkarya dia amat mementingkan mesej. Selalunya dia menggunakan pengalaman bersama-sama para pelajar sebagai bahan asas untuk berkarya. Dia lebih senang jikalau karyanya dapat mengkritik dan memperbetulkan cara hidup remaja terutamanya para pelajar. Ilmu pendidikan yang diperolehi ketika di universiti bagaikan memberi satu kelebihan kepada Siti Aminah untuk menyelitkan nilai-nilai murni dan pendidikan dalam setiap karyanya.

Lazimnya Siti Aminah memperoleh ilham berkarya ketika memandu kereta ke tempat kerja pada waktu subuh. Kesunyian pagi sering merangsang ilhamnya. Jikalau berkesempatan dia akan mencatat segala yang terlintas dalam fikirannya. Siti Aminah gemar menggunakan sudut pandangan orang pertama atau ketiga dalam karya-karyanya. Baginya ini memudahkan dia menggarap plot cerita. Latarnya pula hanya difikirkan apabila dia menghadap mesin taip.

Ketika bersekolah Siti Aminah tidak bermasalah menggunakan mesin taip kerana abang iparnya, Baharom, sentiasa meminjamkan mesin



*Aku Anak Timur* dalam bentuk edisi pelajar.

*Antara karya-karya yang pernah terhasil termasuklah:*

1. *Antologi Cerpen Bersama Pelarian yang Pulang (1983)*
2. *Aku Anak Timur (1984)*
3. *Biarkan Ia Berlalu (1985)*
4. *Antologi Puisi Bersama Nyanyian Wau (1987)*
5. *Di Hujung Perjalanan (1991)*
6. *Masih Sayang (1992)*
7. *Jalur Senja (1995)*
8. *Antologi Pantun Bersama Permata Timur (1998)*

*Berdasarkan tahun terbitan novel-novelnya boleh dikatakan bahawa Siti Aminah adalah seorang penulis yang tekun dan bersungguh-sungguh dalam pengkaryannya.*



Siti Aminah menggunakan mesin taip abang iparnya, Baharom untuk berkarya.

taip apabila diperlukannya. Siti Aminah gemar menyerahkan karyanya kepada remaja yang dikenalnya untuk mendapatkan pandangan. Menurutnya, remaja lebih memahami kehendak dan selera pembaca remaja. Menulis karya remaja bagi Siti Aminah bukanlah semudah yang disangkakan. Tersilap olah, watak remaja yang dihasilkan boleh bernada dewasa. Ini amat diawasi oleh Siti Aminah.

Selepas menghasilkan novel *Aku Anak Timur*, Siti Aminah bagaikan kebuntuan ilham. Untuk mengatasi masalah ini dia beralih menulis sajak. Dia memasuki peraduan menulis sajak Esso-Gapena dan berjaya mendapat hadiah penghargaan. Sajak yang berjudul "Masa" dan "Cinta Remaja" ini diantologikan dalam naskhah yang berjudul *Nyanyian Wau*.

## Antara minat dengan keluarga

Siti Aminah tidak gemar menulis pada malam hari seperti yang dilakukan oleh kebanyakan penulis-penulis lain. Baginya, dia memerlukan tidur yang cukup untuk berhadapan dengan pelajar-pelajarnya. Dia amat menyenangi waktu di antara pukul empat petang hingga enam setengah petang. Baginya pada waktu inilah ilhamnya amat mencurah-curah untuk berkarya. Pun, dia masih tidak berkesempatan menulis secara serius kerana pada waktu inilah dia harus menguruskan kerja rumah seperti memasak atau melayan anak-anak.

Pada 16 Jun 1998, Siti Aminah diumumkan sebagai pemenang sugu hati untuk Sayembara Mengarang Pantun Antarabangsa yang dilancarkan pada 7 Ogos 1997. Siti Aminah meraih hadiah wang tunai sebanyak RM500 untuk pantun berkait 30 rangkap yang berjudul *Dendang Remaja*.

## MASA

*(Siti Aminah Haji Yusof)*

### I

*Detik demi detik yang berlalu  
tidak akan kembali lagi  
sehari usia memanjat  
tidak akan berundur lagi  
seminit yang tertinggal  
tak dapat dikejar lagi  
sesaat yang berlalu  
terus berlalu  
bagaikan mimpi yang menghilang.*

### II

*Kata orang masa itu emas  
yang tak pernah mungkir janjinya  
berlalu penuh setia  
tiada lalainya  
kitalah pengejanya  
ada saat-saat terlambat  
harta padahnya  
sesaat terlambat  
maut harganya.*

### III

*Begitulah  
untuk suatu kepastian  
dan kebahagiaan  
rinduilah  
cintailah  
setialah selalu  
dia kan tetap bersamamu  
tanpa jemu  
dan kau tidak akan menyesali  
dirimu.*

## CINTA REMAJA

*(Siti Aminah Haji Yusof)*

*Sebuah cinta yang menerpa  
bagai mimpi yang mengasyikkan  
hati selembut bayu  
mudah terkulai  
cepat patah dek janji dan kata manis  
impian mengimbau ke langit biru.*

*Sayangnya mimpi dan cinta ini  
hanya sebuah lumrah  
bagaikan mimpi juga ia pergi  
hilang bagai bebayang dilindung teduh petang  
bagaikan diragut ombak yang ganas  
meninggalkan diri dalam gelora yang amat pedih menyeksa  
tunggulah  
gelora ini nanti  
akan reda juga akhirnya  
dalam cinta remaja  
cinta sementara yang buta  
hanya penambah asam garam  
dan kan tiba juga cinta  
yang lebih dewasa dan bahagia.*

Sajak 'Masa' dan 'Cinta Remaja' sebagai renungan para remaja dalam menempuh alam dewasa.

### Novel *Di Hujung Perjalanan*

Novel remaja ini hasil karya Siti Aminah pada tahun 1991. Walaupun tumpuan penulis kepada watak remaja, iaitu Muslim namun banyak unsur positif dan nilai murni yang boleh dipelajari daripada karya ini. Tragedi yang menimpa Muslim sehingga dia tersesat di dalam hutan sebenarnya memberi seribu pengalaman kepada jejaka ini. Sungguhpun ia getir kerana terpaksa berhadapan ancaman binatang buas di hutan

tebal, penulis berjaya menerapkan unsur berdikari dan yakin diri dalam jiwa remaja. Walaupun diri ditimpa kesusahan, remaja bijak harus tenang dan memikirkan cara terbaik mengatasi masalah.

Antara cabaran dan dugaan yang harus ditempuhi oleh Muslim termasuklah berada dalam perangkap sekumpulan penanam ganja. Muslim menyedari menanam ganja salah di sisi undang-undang, justeru dia berusaha sedaya mungkin agar dapat meloloski cengkaman masalah ini.

Unsur keberanian, ketabahan dan kebijaksanaan antara mutu diri yang harus dimiliki remaja. Inilah garapan mesej yang disampaikan Siti Aminah kepada para pembacanya. Seperti biasa, Siti Aminah menyampaikan karyanya dengan bahasa yang mudah, ringkas namun masih kekal keindahannya. Pembaca remaja tentunya tidak berhenti menikmati karya Siti Aminah ini kerana ada unsur cemas, misteri, kembara yang diadun dengan begitu rapi dan menarik. Para pelajar pasti menyenangi karya begini kerana ia menggambarkan gelodak jiwa remaja yang sentiasa menantikan cabaran.

### Novel Masih Sayang

Novel yang dihasilkan pada tahun 1992 ini agak menarik kerana ia adalah hasil garapan Siti Aminah bersama lima rakan yang lain. Enam penulis menangani satu karya pastinya sesuatu yang luar biasa akan terhasil. Keindahan cerita lebih menyerlah dan kepelbagaian ilham tercetus apabila ia dihasilkan secara muafakat dan perkongsian bahan.

Pembaca terutama remaja sekolah pastinya dapat menimba pelbagai ilmu apabila membaca karya ini. Setiap watak yang dihidupkan dalam



Dalam novel *Di Hujung Perjalanan* Siti Aminah berjaya menerapkan unsur berdikari, keyakinan, keberanian, ketabahan dan kebijaksanaan menerusi watak Muslim.



novel *Masih Sayang* ini mewakili diri remaja yang lazimnya menghadapi krisis identiti sehingga menimbulkan tekanan atau dugaan terutama di sekolah.

Setiap insan memang dilahirkan dengan perwatakan dan keperibadian yang tersendiri. Hanya bimbingan yang baik dan ajaran agama yang sempurna mampu membentuk sahsiah remaja. Nilai-nilai murni ini wajar diterapkan semenjak kecil. Inilah yang ingin disampaikan oleh kumpulan penulis yang menyempurnakan novel *Masih Sayang*.

Kisah lima orang anak Pak Hamid dan Mak Sapiah yang sering memeningkan kepala ibu bapa mereka sebenarnya adalah sekelumit daripada kisah kehidupan remaja sehari-hari. Malah Siti Aminah mengakui tugas dan tanggungjawabnya sebagai guru banyak menyumbang ilham untuknya ketika berkarya.

Pengalaman, pengamatan dan masalah remaja sekolah yang dihadapi saban hari oleh Siti Aminah ketika bergelar guru sebenarnya umpama perencah baginya berkarya.

Keluh-kesah, ragam, rungutan dan gelak ketawa pelajarnya dikutip dan diolah dengan indah sehingga menjadi sebuah novel yang menarik. Bagi Siti Aminah menangani masalah remaja umpama menarik rambut di dalam tepung. Rambut tidak putus, tepung tidak berselerak. Jiwa remaja amat sensitif, perasa, mudah merajuk dan adakala memberontak. Orang dewasa harus berhemah, bijaksana dan penuh diplomasi apabila berhadapan masalah psikologi remaja. Ini sebahagian inti pati novel *Masih Sayang*.

### **Novel Jalur Senja**

Novel Siti Aminah ini dihasilkan pada tahun 1995. Terbukti tema Siti Aminah banyak berkisar

kepada remaja sekolah. Amat jelas kepada pembaca dan peminat karya Siti Aminah bahawa dia seorang guru yang tajam pandangannya. Selain mengajar di dalam darjah, Siti Aminah bagai boleh menyelami jiwa pelajarnya. Tanpa pengertian dan pemahaman psikologi remaja, agak sukar seseorang penulis menghasilkan karya mengenai anak remaja.

Dalam karya kali ini, Siti Aminah membawa tema yang agak memilukan. Kisah gadis remaja yang terpaksa memikul tanggungjawab keluarga setelah ibu bapa meninggal dunia, bukan cerita asing di kalangan para pelajar. Memang ada segelintir remaja terpaksa menanggung beban perasaan dan kewangan apabila kehilangan tempat bergantung.

Walaupun ia adalah tema yang pilu dan menyentuh perasaan, apa yang ingin disampaikan oleh Siti Aminah sebenarnya adalah kegigihan pelajar perempuan ini mengatasi masalahnya.

Pembaca juga harus mengerti, bukan semua masalah boleh diatasi dengan mudah dan diselesaikan sekelip mata. Tekanan perasaan dan kepiluan hidup hanya dapat diatasi apabila rakan sekeliling, guru dan juga sanak saudara memberi sokongan moral.

Remaja yang bermasalah begini tidak wajar dibiarkan keseorangan atau terkapai-kepai menghadapi rintangan hidup. Selain itu, anak yatim piatu harus bersatu hati dengan adik-beradik yang lain agar ikatan kekeluargaan tidak mudah lerai walaupun tiada ibu bapa yang membimbing.

Siti Aminah sengaja memilih watak utamanya seorang gadis untuk menggambarkan bahawa sekiranya menghadapi masalah seorang gadis masih mampu bangkit dan berdiri sendiri walaupun masyarakat sering menggambarkan



*Jalur Senja* -novel yang menyentuh perasaan pembaca. Ini membuktikan Siti Aminah berjaya menjelmakan watak gadis remaja yang terpaksa memikul tanggungjawab keluarga setelah kematian ibubapanya.

wanita sebagai insan yang lemah. Kelembutan jiwa remaja perempuan tidak bererti mereka akan tewas dengan mainan perasaan. Apa yang diperlukan adalah sedikit ketabahan, mencari ketenangan diri yang hilang agar kekuatan kembali semula serta pegangan agama yang kuat. Iman yang kukuh mampu membentuk jiwa remaja agar kuat dan tidak mudah goyah walaupun seribu masalah mendatang. Inilah sebahagian mesej yang ingin disampaikan oleh Siti Aminah.

### Novel *Aku Anak Timur II*

Novel *Aku Anak Timur* yang menjadi ingatan peminat karya Siti Aminah kepadanya kini disambung. Karyanya kali ini masih mengekalkan cara penyampaian bersahaja dan mudah. Siti Aminah masih mampu menjalin plot-plot ceritanya dengan indah. Ini boleh dikesan apabila Siti Aminah menyambung watak Zarina. Kali ini perjalanan Zarina ke United Kingdom.

Jikalau karya *Aku Anak Timur* menceritakan kisah dan kehidupan masyarakat di Belanda, *Aku Anak Timur II* pula bercerita tentang tanah Ratu Elizabeth. Pembaca pasti terpesona dengan novel ini kerana Siti Aminah begitu teliti mengungkap kehidupan masyarakat di sana. Ternyata Siti Aminah tidak mensia-siakan pengalamannya ketika berpeluang bercuti ke United Kingdom bersama-sama keluarga dan tidak dilupakan kakaknya nan seorang, iaitu Kamariah.

Paling menarik, watak Zarina dewasa bersama-sama perubahan waktu. Jikalau dahulu dia mengikut bapanya ke luar negara, kali ini dia pula merantau ke tempat orang bersendirian untuk menuntut ilmu. Ketika di sanalah pelbagai dugaan dan halangan yang mencabar jiwa menanti.



Siti Aminah dan suami ketika bercuti di United Kingdom. Pengalaman percutian ini dijadikan bahan berkarya oleh Siti Aminah untuk menghasilkan *Aku Anak Timur II*.



Kamariah sering di bawa Siti Aminah ke luar negara sekira ada kesempatan bercuti.



Pengalaman ketika sering ke luar negara mendorong Siti Aminah menghasilkan karya novel *Aku Anak Timur II*.

Selain daripada itu kerinduan terhadap tanah air sentiasa membara di jiwa. Pengaruh masyarakat sekeliling dan budaya Barat amat berbeza dengan kemurnian masyarakat di Timur. Ini sebahagian mesej yang ingin disampaikan Siti Aminah. Namun berbekalkan semangat yang waja dan pegangan agama yang kukuh, tiada unsur negatif yang mampu memesongkan jiwa Zarina. Bak kata pepatah, hujan emas di negeri



orang, baik lagi negeri sendiri dan selagi seseorang itu tidak pernah lupa asal usulnya, dia mampu mengekalkan jiwa bangsanya walau di mana berada.

Menghasilkan karya mengenai negara orang bukan mudah. Berdasarkan pengalaman Siti Aminah, sekecil-kecil tiket bas, tiket kereta api mahupun peta yang dibeli atau pas masuk panggung teater, semua amat membantu ketika berkarya. Bahan-bahan ini walaupun dianggap sampah atau kertas yang tidak berguna lagi, namun boleh dijadikan bahan rujukan ketika berkarya.

### Karya terus diiktiraf

Pada 16 Jun 1998, Siti Aminah diumumkan sebagai pemenang hadiah sagu hati untuk Sayembara Mengarang Pantun Antarabangsa yang dilancarkan pada 7 Ogos 1997. Siti Aminah meraih hadiah wang tunai RM500 untuk pantun berkait 30 rangkap yang berjudul *Dendang Remaja*.



## KELUARGA BERPENDIDIKAN

Hasil perkongsian hidup dengan Abu Hassan, Siti Aminah dikurniakan empat orang cahaya mata, iaitu Rafizah, Nurzahiyah, Mohd. Akmal dan Mohd. Amir.

Siti Aminah, Abu Hassan dan anak-anak kini telah berjaya dalam bidang kerjaya masing-masing. Anak sulungnya, Rafizah, seorang peguam, yang kedua, Nurzahiyah, seorang pensyarah, yang ketiga, Mohd. Akmal, jurutera mekanikal dan yang bongsu, Mohd. Amir, bekas mahasiswa Universiti Malaya. Menantu-menantunya pula ialah Alfian Yang Amri, seorang pegawai undang-undang di Jabatan Peguam Negara. Khairul Anwar Haji Ali, lulusan Sarjana



Siti Aminah bersama-sama tiga orang cahaya matanya.



Keluarga bahagia Siti Aminah dan Abu Hassan. Berdiri di belakang ialah anak-anak mereka. Dari kiri: Mohd. Amir, Raziah, Nurzahiyah dan Mohd. Akmal.



Hari bahagia seorang ibu. Siti Aminah di hari konvokesyen anakriya, Mohd. Akmal (atas) dan Nurzahiyah (bawah).



Raziah graduan dari Universiti Islam Antarabangsa.

Pentadbiran Pengurusan kini seorang ahli perniagaan. Menantunya yang ketiga ialah Intan Widarti binti Suhaimi, seorang peguam. Suami Siti Aminah sendiri amat berjaya dalam kerjayanya. Beliau ialah bekas Ketua Jabatan Kesusasteraan, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Kini Abu Hassan dikenali sebagai Profesor Dato' Dr. Abu Hassan Mohd. Sham.

Siti Aminah dan Abu Hassan yang kini bergelar Dato' dan Datin berbahagia dengan keluarga, lebih-lebih lagi apabila dikurniakan beberapa orang cucu. Antaranya ialah Muhammad Fathan, Ahmad Lutfi dan Ahmad Zaheruddin anak kepada Raziah. Manakala Nur Izzatul Ayesha dan Umar Huzaiifi pula anak kepada Nurzahiyah.



Bersama suami tercinta sewaktu dianugerahi ijazah kedoktoran.



Siti Aminah mengiringi suami ketika menerima pingat Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.) membawa gelaran Dato' pada tahun 1996.



Siti Aminah dan Abu Hassan bergambar kenangan bersama-sama anak, menantu dan cucu-cucu mereka.

---

## Tabung keluarga

Kini Zabedah, ibu Siti Aminah boleh tersenyum bangga dengan kejayaan anak perempuannya. Malah hubungan Siti Aminah dengan kaum keluarga amat akrab, begitu juga dengan saudaramara sebelah Abu Hassan. Ini diakui beberapa anak saudara Siti Aminah.

Oleh sebab berasal daripada keluarga serba susah, dan atas dorongan abangnya Abdul Manaf, pasangan Siti Aminah dan Abu Hassan telah menubuhkan tabung keluarga. Mereka merintis tabung ini pada satu ketika dahulu dengan kutipan wang RM10 sebulan daripada setiap adik-beradik Siti Aminah. Wang ini hanya digunakan untuk membiayai perbelanjaan sekolah terutamanya pada awal tahun atau keperluan anak-anak saudara yang akan melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi. Mereka yang terdesak wang ketika kemalangan atau ditimpa sakit turut mendapat bantuan daripada tabung ini. Tabung ini masih diteruskan oleh Dato' Mohd. Sarit bersama anak-anak saudara Siti Aminah. Dia sendiri masih mengawasi perjalanan akaun tabung atau yaysan keluarganya.

Adik-beradik Siti Aminah kini juga boleh tersenyum riang dengan pencapaian kerjaya masing-masing. Abang sulungnya, Abdul Hamid, 68 tahun telah bersara daripada jawatan Wali Hakim. Abdul Manaf, 64 tahun pula pencen daripada jawatan juruteknik. Allahyarham Abdul Rahman pula adalah pesara Ketua Pos. Adik Siti Aminah Dato' Mohd. Sarit, 48 tahun ialah Ahli Parlimen Temerloh. Dia juga seorang ahli korporat.

## Selepas bersara

Lumrah, setiap insan apabila berkerjaya, tidak kira lelaki atau wanita, masa amat terhad dan



terbatas. Masa berkumpul atau bermesra bersama-sama keluarga selalunya hadir apabila musim cuti, terutama cuti persekolahan. Begitu jugalah dengan Siti Aminah. Tugasnya sebagai tenaga pengajar di maktab perguruan memerlukan Siti Aminah mengurangkan segala kegiatan sastera dan penulisan. Dia hanya berpeluang berkarya apabila ada sesuatu projek yang berkaitan dengan kesusasteraan atau bahasa. Di maktab perguruan tempat dia bertugas, sumbangan ilham dan buah fikirannya sentiasa diperlukan oleh pelajar-pelajarnya. Sesekali dia membimbing bakat-bakat muda yang berminat dalam dunia penulisan.

Selain daripada itu, Siti Aminah juga turut meluangkan sedikit masa bersama-sama rakan penulis yang lain. Novelis wanita tersohor negara, Zaharah Nawawi antara rakan karib Siti Aminah. Kelab Penulis Zaharah Nawawi atau Kepezi yang



Siti Aminah menerima cenderamata tanda sumbangannya dihargai.

---

dinaungi Zaharah banyak melaksanakan kegiatan sastra seperti bengkel penulisan, ceramah dan kursus jangka pendek di seluruh Malaysia. Siti Aminah tidak terkecuali mengikut sekali gus membantu Zaharah Nawawi dalam menjayakan beberapa siri ceramah. Malah Siti Aminah tidak terkecuali membantu dan menyumbang tenaga untuk perkumpulan wanita Shah Alam seperti Lembaga Perempuan Islam Shah Alam. Sesekali dia berkongsi pengalaman dan ilmu dalam bidang bahasa dan penulisan dengan perkumpulan itu.

Kejayaan Siti Aminah menghasilkan beberapa novel remaja meletakkannya sebagai salah seorang tenaga pengajar yang disegani dan dihormati. Siti Aminah sentiasa bercita-cita untuk menghasilkan novel remaja yang benar-benar hebat dan berkesan pada jiwa anak muda apabila dia bersara. Justeru, sebaik sahaja tamat perkhidmatannya di maktab, Siti Aminah mulai



Siti Aminah diraikan dalam satu majlis sempena persaraannya.



Siti Aminah tidak lokek berkongsi ilmu pengetahuannya. Dia sering diundang untuk memberikan ceramah dalam bidang bahasa atau penulisannya.





Bersara tidak bermakna Siti Aminah hanya duduk goyang kaki. Dia rajin menimba ilmu dan memenuhi masa lapangnya dengan berpersatuan.

merancang jadual hariannya dengan sebaik mungkin. Siti Aminah amat menyedari kejayaan seorang penulis amat bergantung kepada disiplin yang tinggi dan ketekunan. Seorang penulis yang baik harus membiasakan dirinya berkarya sekurang-kurangnya sejam sehari atau pun lima hingga sepuluh halaman sehari.

Namun Siti Aminah terpaksa akur kepada situasi harian yang dilaluinya. Apabila bersara, keseronokan bersama-sama keluarga dan cucu-cucu melebihi segala-galanya. Sungguhpun perancangan awalnya untuk berkarya dengan tekun ada kala tergendala namun jauh di sudut hati dia amat bersyukur. Menghabiskan masa bermesra dan mengasuh cucu-cucu yang comel yang kini sudah berjumlah tujuh orang adalah detik keemasan bagi seseorang yang bergelar nenek.



Walaupun sibuk mengasuh cucu, kesempatan terluang digunakan sebaik-baiknya oleh Siti Aminah untuk berkarya.

## TARIKH PENTING

- 1945      Tanggal 25 September, Siti Aminah, anak kepada pasangan bahagia Yusof dan Zabedah, lahir di Kampung Paya Buntar, Jelam, Temerloh, Pahang; ketika tentera Jepun kalah di Malaya dan Bintang Tiga mulai mengganas.
- 1952 – 57      Siti Aminah menjalani persekolahan sekolah rendah dari Darjah Satu sehingga tamat Darjah Enam di Sekolah Kebangsaan Durian Tawar, Temerloh, Pahang.
- 1958      Menyambung persekolahan dalam Darjah Khas di sebuah sekolah di Temerloh kerana mendapat keputusan yang cemerlang setiap kali peperiksaan di sekolah rendah.
- 1959      Berkhidmat sebagai guru sementara ketika berumur 14 tahun di Sekolah Kebangsaan Jambu Rias, Karak, Bentong, Pahang.
- 1961 – 62      Meneruskan persekolahan dari Tingkatan Dua sehingga Tingkatan Tiga di Sekolah Abu Bakar, Temerloh, Pahang. Memperoleh Sijil Rendah Pelajaran (SRP) pada tahun 1962.
- 1963      Melanjutkan pelajaran Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Sultan Abu Bakar, Kuantan, Pahang.
- 1964      Bepindah ke Sekolah Menengah Abdul Rahman Talib, Kuantan, Pahang. Siti Aminah merupakan antara kumpulan pertama yang menjadi murid sekolah menengah Melayu di Kuantan, Pahang. Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

- 1965 – 66 Memulakan persekolahan Tingkatan Enam di Sekolah Menengah Alam Shah, Kuala Lumpur. Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran pada tahun 1966.
- 1967 – 70 Ke menara gading, Universiti Malaya dan mengambil kursus Sarjana Muda Sastera dan Pendidikan. Memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Pendidikan pada tahun 1970.
- 1971 Memulakan kerjaya sebagai guru di Sekolah Menengah Aminuddin Baki, Kuala Lumpur.
- 1981 Memenangi Hadiah Penghargaan dalam Peraduan Menulis Cerpen Remaja Esso-Gapena melalui cerpen berjudul "Sekeping Hati" dan "Sayang Oh Sayang".
- 1983 Memenangi Hadiah Sagu Hati dalam pertandingan menulis novel Esso-Gapena melalui novel berjudul *Biarkan Ia Berlalu*.
- 1984 Tanggal 15 Ogos, memenangi tempat pertama Pertandingan Menulis Novel Pengembaraan Esso-Gapena untuk novel *Aku Anak Timur* dan meraih wang tunai sebanyak RM8000.
- 1998 Tanggal 16 Jun, memenangi hadiah sagu hati untuk Sayembara Mengarang Pantun Antarabangsa bagi pantun berkait 30 rangkap berjudul "Dendang Remaja" dan meraih wang tunai sebanyak RM500.
- 2000 Penghujung September, menamatkan perkhidmatannya sebagai pensyarah di Maktab Perguruan Teknik dan profesion perguruanannya apabila mencapai umur persaraan wajib.